



APPGM-SDG


DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

APPGM-SDG

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia – Matlamat Pembangunan Lestari
(APPGM-SDG)

LAPORAN TAHUNAN

2023



ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR

- Yang di-Pertua Dewan Rakyat..... I
- Menteri Ekonomi III
- Pengerusi APPGM-SDG V
- Naib Pengerusi APPGM-SDG VII
- Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu..... IX
- Ketua Sekretariat XI

01

AHLI PARLIMEN & SDG

- Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG (Parlimen ke-15) 02
- Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG 03
- Ahli-Ahli Kawasan Parlimen yang telah Dilawati
pada Tahun 2023 04
- Penyetempatan SDG di 85 Lokasi (2020 - 2023) 06
- Penglibatan Ahli Parlimen dalam Program APPGM-SDG
pada tahun 2023 08

02

TERAS UTAMA & SEKRETARIAT

- Tahun Keempat dalam Penyetempatan SDG 11
- Rangka Kerja & Matlamat bagi Tahun 2023 23
- Sekretariat 24
- Penglibatan dalam Mesyuarat Utama 28



03

PEMETAAN ISU TEMPATAN & ANALISIS SITUASI

- Metodologi dalam Pengumpulan dan Analisis Data Tempatan 32
- Lawatan Pemetaan bagi Tahun 2023 33
- Isu Tematik daripada Dapatan Kualitatif 41
- Pusat MySDG untuk Keterangan Sosial 54

04

PROJEK SOLUSI MIKRO SDG

- Ulasan Projek Solusi 56
- Projek Solusi mengikut Kawasan Parlimen 61
- Rakan Solusi & Rakan Kerjasama SDG 106
- Program Bersama Rakan Solusi 108
- Program Komuniti 111
- Penilaian Impak Kohort Tahun 2022 113
- Refleksi 118

05

KEBUN KOMUNITI

- Ulasan Kebun Komuniti 120
- Data Asas mengenai Inisiatif Kebun Komuniti 2023 121
- Siri Jelajah dan Lawatan Unit Kebun Komuniti 147
- Tadbir Urus Projek Kebun Komuniti 149
- Kebun Model Ipoh 153
- Refleksi 155

06

AKADEMI MYSDG

- Bengkel Pembangunan Kapasiti dan Persidangan bagi Pelokalsian SDG 159
- Pemerkasaan Belia dalam Penyetempatan SDG 165
- Komunikasi Korporat 168

07

KEWANGAN & PENTADBIRAN

- Ulasan Tadbir Urus Kewangan 171
- Penyata Akaun yang Diaudit bagi Tahun 2023 174
- Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari 176



YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari Abdul

Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Parlimen Malaysia

Tahniah diucapkan kepada APPGM-SDG kerana telah menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2023. Parlimen Malaysia kekal komited terhadap agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan menggalakkan semua ahli parlimen untuk terlibat secara aktif di dalam wacana dasar, perundangan dan penglibatan di peringkat akar umbi. Pihak APPGM-SDG telah aktif dalam menggalakkan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dengan ahli parlimen dan masyarakat awam termasuk ahli akademik, masyarakat sivil dan masyarakat akar umbi sejak tahun 2020.

Tahun ini merupakan tahun keempat pihak APPGM-SDG, dan APPGM-SDG telah mencapai kemajuan yang ketara dalam mencapai objektif bagi penyetempatan SDG di seluruh negara. Ini menunjukkan bahawa model dwipartisan APPGM-SDG boleh dilaksanakan dengan berkesan di negara kita dan berkembang maju, dengan sokongan daripada kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan di peringkat nasional, negeri dan tempatan.

Tonggak asas adalah penting untuk setiap struktur yang kukuh. Begitu juga dengan perkongsian strategik dan dana pembiayaan yang pihak APPGM-SDG berjaya wujudkan dan jaminan kedua-dua Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan telah memainkan peranan yang penting dalam membentuk dan mengembangkan kerja mereka.

Saya berasa gembira apabila mengetahui ahli parlimen telah meningkatkan penyertaan dan kerjasama mereka dengan pihak APPGM-SDG dalam pelbagai bidang. Mengambil kira agenda penyetempatan SDG, pihak APPGM-SDG telah bekerjasama dengan seramai 85 ahli parlimen dari tahun 2020 hingga tahun 2023.



Pada tahun ini, pihak APPGM-SDG telah bekerjasama dengan 28 ahli parlimen baharu, yang melibatkan lawatan pemetaan serta pengenalpastian projek solusi di kawasan parlimen mereka. Usaha ini adalah bukti kesediaan ahli parlimen untuk mengutamakan dan menangani kebimbangan daripada aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar komuniti akar umbi di kawasan mereka.

Di samping itu, pada tahun lepas pihak APPGM-SDG telah membuat kemajuan dalam menggerakkan dan mewujudkan lebih ketampakan ahli parlimen dalam penglibatan bersama pihak berkepentingan utama di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa dalam mempercepatkan agenda SDG. Saya yakin mereka akan terus memastikan penyertaan aktif daripada pemimpin-pemimpin kita yang telah dipilih secara demokratik dalam ruang SDG.

Sebagai Yang Di Pertua Dewan Rakyat, saya memberikan sokongan penuh terhadap dialog polisi dan perbincangan terhadap pemerkasaan pandangan ahli parlimen, perbahasan dan keputusan tentang kebimbangan pembangunan negara. Oleh itu, hasil dapatan pihak APPGM-SDG dari pihak akar umbi adalah penting untuk memulakan sesi dialog dan membuat refleksi. Perkara – perkara penting yang dihadapi negara kita daripada seperti isu kemiskinan dan ketidaksemaan kepada keamanan dan keadilan haruslah diangkat di dalam agenda. SDG telah menyediakan rangka kerja yang komprehensif bagi sesi perbincangan yang membina dan titik tindakan. Sehubungan dengan itu, saya sangat gembira mendengar pihak APPGM-SDG akan terus mengukuhkan penglibatan ini melalui perbincangan meja bulat bersama ahli parlimen dan penglibatan dengan Kumpulan parlimen global yang telah dirancang bagi tahun 2024.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli parlimen yang telah menunjukkan komitmen dalam memastikan tiada siapa ketinggalan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada masyarakat sivil, ahli akademik, rakan kerjasama dan komuniti akar umbi yang telah terlibat dalam membina Malaysia yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa APPGM-SDG Sidang Parlimen Ke-15 yang dipengerusikan oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis; Timbalan Pengerusi, YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah; Ahli Jawatankuasa serta pasukan Sekretariat yang diketua oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. Saya memuji keteguhan komitmen anda semua dalam menjalankan kerja bersama dan menegaskan semangat dwipartisan dalam pembinaan negara perlu diteruskan dengan tabah. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada pihak APPGM-SDG dan kejayaan dalam setiap usaha mereka.



**YB Tuan Mohd Rafizi
Bin Ramli**

Menteri Ekonomi

Selaras dengan usaha mendepankan transformasi dan pertumbuhan negara, tonggak Malaysia MADANI dalam aspek kemampanan, kemakmuran, inovasi, kehormatan, kepercayaan dan belas kasihan bertindak sebagai kompas untuk mengorientasikan semula dan meletakkan kita di landasan yang betul. Penstrukturan semula ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat akan melibatkan penyelarasan rancangan pembangunan negara, mengambil keputusan yang strategik serta pelaksanaan dasar yang sejajar dengan hala tuju ditetapkan.

Komitmen kami dalam pembangunan mampan telah dicerminkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 dimana penekanan diberikan terhadap pembangunan sosio-ekonomi dan tadbir urus serta tiga fokus utama iaitu kemampanan, kemakmuran dan menggerakkan Malaysia ke arah status berpendapatan tinggi. Menghampiri tahun 2030, ekonomi yang stabil dan berkembang pesat memerlukan sokongan struktur dan budaya integriti, perpaduan, tadbir urus yang baik serta inovasi.

Bagi mencapai agenda pembangunan mampan ia memerlukan pendekatan seluruh negara (*whole-of-nation approach*) dimana penglibatan setiap pihak berkepentingan di setiap peringkat adalah penting untuk menggerakkan jarum pencapaian kemampanan. Dalam menerajui usaha itu, Pusat SDG Negara yang terletak di bawah naungan Kementerian telah ditugaskan untuk menyelaraskan, memperkasa dan memantau kemajuan pelaksanaan negara dalam SDG dan ESG, memudahkan dan menggalakkan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dan kerjasama strategik tempatan dan serantau serta menyediakan input atau laporan terhadap pencapaian dan kemajuan SDG di Malaysia.



Kementerian menghargai peranan yang telah dimainkan oleh *All-Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals* (APPGM-SDG) dalam memacu usaha penyetempatan SDG di seluruh Malaysia. Kumpulan dwipartisan ini telah memainkan peranan yang penting dalam menghimpunkan ahli parlimen dan aktor bukan parlimen menerusi sesi dialog dan kerjasama untuk menangani kebimbangan ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam melaksanakan SDG dengan kerjasama pihak kementerian, aktor di peringkat negeri, agensi di peringkat daerah dan pihak berkuasa tempatan. Saya juga mengambil maklum bahawa pihak APPGM-SDG juga terlibat secara aktif di platform serantau dan global, membuktikan keupayaan mereka dalam penglibatan secara tempatan dan global.

Dengan itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak APPGM-SDG, semua ahli parlimen, organisasi masyarakat sivil termasuk perikatan CSO-SDG Malaysia yang merupakan rakan strategik dan komuniti akar umbi yang komited untuk memajukan SDG di Malaysia di semua peringkat. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa APPGM-SDG atas usaha mereka yang terpuji serta sumbangan mereka kepada agenda negara. Kami menghargai dedikasi anda yang tidak berbelah bahagi, usaha gigih, pandangan yang berharga dan kepakaran dalam perjalanan ini bersama-sama. Kementerian Ekonomi komited dalam menyokong dan mengukuhkan perkongsian bersama untuk Malaysia yang lebih saksama dan inklusif.



YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis

Pengerusi APPGM-SDG

Saya berasa bebesar hati untuk menulis kata pengantar bagi Laporan Tahunan APPGM-SDG tahun 2023 ini. Saya telah mengambil alih tugas sebagai pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG selepas pilihan raya umum ke-15. Tahun 2023 merupakan tahun yang sangat sibuk, antara tugas utama kami adalah untuk menyusun kembali ahli jawatankuasa APPGM-SDG memandangkan majoriti ahli jawatankuasa semasa sidang parlimen ke-14 tidak lagi berkhidmat sebagai ahli parlimen pada sidang parlimen ke-15.

Kini, kami mempunyai 12 orang ahli parlimen di dalam komposisi jawatankuasa yang mana 3 daripadanya merupakan Senator. Kami berpegang teguh dengan pendekatan dwipartisan terhadap SDG dan bersatu hati dalam pelaksanaan gerak kerja dengan fokus memastikan “Tiada Siapa Ketinggalan”. Ahli jawatankuasa telah menghadiri mesyuarat ini secara fizikal dan secara dalam talian memandangkan kebanyakan perjumpaan diadakan secara dalam talian.

Jangkauan kami kepada 28 ahli parlimen baharu pada tahun 2023 telah menerima sokongan yang baik dan kami bersyukur dengan sokongan yang diterima bagi menjalankan projek solusi mikro SDG di peringkat akar umbi sekaligus memberi impak kepada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar yang perlu diberikan perhatian.

Pada tahun 2023, kami juga telah melihat penglibatan aktif daripada ahli parlimen dalam program - program yang dianjurkan oleh APPGM-SDG seperti persidangan, program pembangunan kapasiti dan mesyuarat bersama rakan kerjasama, ahli parlimen telah menerajui inisiatif ini dan ia telah direkodkan di dalam laporan tahunan ini.



Kami telah menjalin hubungan rasmi bersama empat kumpulan parlimen yang memainkan peranan di peringkat antarabangsa dalam menggerakkan ahli parlimen dalam pelaksanaan SDG. Mereka merupakan *Inter-Parliamentary Union (IPU)*, *The Commonwealth Parliamentary Association (CPA)*, *Parliamentarians for The Global Goals* dan *Parliamentarian for Global Action*. Empat kumpulan ini memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan ahli parlimen dengan PBB dalam perkara berkenaan SDG. Kami masih meneroka cara untuk memastikan ahli parlimen Malaysia juga aktif di peringkat antarabangsa sepertimana mereka aktif di peringkat tempatan.

Bagi pihak APPGM-SDG, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Speaker parlimen serta pegawai - pegawai parlimen. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada menteri dan pegawai - pegawai Kementerian Ekonomi. Kami juga berhutang budi kepada menteri kewangan, ketua setiausaha dan pegawai - pegawai Kementerian kewangan di atas peruntukan yang telah disalurkan melalui APPGM-SDG kepada ahli-ahli parlimen untuk terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan SDG.

Kami menghargai peranan penasihat yang dimainkan oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed yang merupakan bekas Menteri EPU dan Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim yang merupakan bekas Pengerusi SDG APPGM. Mereka kini telah dilantik sebagai penasihat Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari.

Jawatankuasa APPGM-SDG menghargai peranan yang telah dimainkan oleh ketua sekretariat, Prof Datuk Dr Denison Jayasooria, semua kakitangan dan sukarelawan sekretariat terhadap peranan berharga mereka dalam mempercepatkan pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi dan kawasan parlimen.

Laporan ini adalah bukti kepada aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak APPGM-SDG dan rakan kongsinya pada tahun 2023.



**YB Dato' Sri
Saifuddin Abdullah**

Naib Pengerusi APPGM-SDG

Saya berasa gembira kerana telah dijemput untuk memberikan sepatah dua kata bagi laporan tahunan 2023 ini. Sebagaimana semua tahu, APPGM-SDG merupakan sebuah kumpulan dwi-partisan yang terdiri daripada komposisi ahli parlimen daripada parti kerajaan dan parti pembangkang.

Agenda SDG merupakan agenda pembangunan yang inklusif dan selaras dengan tema memastikan “Tiada Siapa Ketinggalan”. Kami bersatu hati dalam kerjasama untuk mencapai matalamat SDG meskipun kami datang dari latar belakang politik yang berbeza di dalam dewan. Namun, isu pembangunan yang memberi impak kepada golongan miskin, B40 dan komuniti rentan dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Kami bersetuju bahawa perkhidmatan sektor awam perlu diperuntukkan secara adil dan saksama kepada semua penduduk yang tinggal di Malaysia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan 17 matlamat pembangunan lestari.

Dalam laporan tahunan 2023 ini, kami telah mendokumenkan 28 isu tempatan hasil pemetaan isu di peringkat kawasan parlimen. Isu - isu yang telah dikenalpasti ini merentasi negeri, etnik dan agama, jantina dan kelas sosial, jurang luar bandar dan bandar. Isu-isu ini telah dikelaskan kepada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Antara isu-isu besar yang telah dikenal pasti adalah kemiskinan, akses kepada bantuan kebajikan dan bagaimana untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup di kawasan luar bandar dan kawasan bandar termasuk kesukaran yang dihadapi oleh orang kelainan upaya dan ahli keluarga mereka.



Hasil dapatan kajian sekretariat adalah berdasarkan perkongsian daripada masyarakat tempatan yang telah didokumenkan semasa perbincangan kumpulan berfokus. Terdapat keperluan segera bagi semua agensi untuk menjalankan latihan yang sama untuk mendengar isu di peringkat akar umbi. Adalah penting juga untuk menubuhkan satu pasukan solusi polisi tempatan yang turut merangkumi pasukan petugas SDG tempatan. Ahli parlimen juga perlu terlibat dalam sesi perbincangan untuk mencari jalan penyelesaian jangka panjang bagi masalah dan isu tempatan. Pemerkasaan penyertaan rakyat melalui demokrasi di peringkat akar umbi ada cara terbaik untuk langkah kedepan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan - rakan ahli parlimen atas kerjasama yang telah diberikan dalam usaha penglokalisasi SDG, staf sekretariat dan rakan solusi terhadap khidmat yang berterusan dalam bekerja dengan komuniti akar umbi di semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Teruskan melakukan kerja yang bagus.



Puan Karima El Korri

Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam

Saya berasa gembira dan berbesar hati kerana telah dijemput untuk memberi prakata ringkas bagi laporan tahunan 2023 Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG). Di peringkat global, pihak Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu (UN) merupakan telah lama memperjuangkan peranan ahli parlimen dalam merangka dasar polisi matlamat pembangunan lestari dan membimbing strategi kebangsaan, menyelia proses belanjawan serta memacu usaha penyampaian matlamat pembangunan lestari di peringkat tempatan. Pasukan UN di Malaysia (*UN Country Team/ UNCT*) telah menikmati kerjasama dan manfaat yang diperoleh hasil kerjasama dengan pihak APPGM-SDG dalam agenda ini dan menjadi contoh amalan terbaik dalam agenda penyetempatan SDG bukan sahaja di peringkat wilayah namun juga di peringkat global.

Terdiri daripada latar belakang politik yang berbeza, APPGM-SDG menawarkan mekanisme penting dalam menilai keperluan SDG di peringkat tempatan, pengutamaan keperluan dan menawarkan pembiayaan berdasarkan projek. Ini merupakan satu model Malaysia yang inovatif dalam membina kepaduan sosial dan perpaduan antara rakyat. Ia menyatukan ahli – ahli parlimen yang mempunyai pandangan berbeza dan menawarkan pandangan analisis secara mendalam di peringkat tempatan, bukan untuk mengarah dan mentadbir tetapi untuk berunding, mendengar dan merangka keutamaan SDG bagi tindakan. Selain daripada itu juga, pihak APPGM-SDG juga telah mempunyai impak di peringkat polisi, menawarkan mekanisme bagi maklum balas di peringkat atas, mengikuti topik dan perkembangan semasa yang penting dibuat oleh pembuat keputusan di peringkat persekutuan dan negeri.

Semakan pantas laporan tahunan ini menunjukkan pihak APPGM-SDG mempunyai tahun yang sangat sibuk. Sesungguhnya, tahun 2023 merupakan tahun pertama yang penuh bagi penubuhan semula kumpulan ini setelah pilihan raya umum ke-15 dan perkembangan politik sejak tahun 2018. Gerak kerja mereka telah memberikan tumpuan dalam penilaian dan penyampaian kapasiti dengan 85 lokasi aktif yang merangkumi 16 negeri dan wilayah termasuk Sabah dan Sarawak.

Secara khususnya, saya mengiktiraf dan memuji pendekatan tadbir urus yang digunapakai untuk menjadi contoh kepada pihak lain. Ahli parlimen yang terlibat dalam gerak kerja ini bertindak sebagai orang yang memberi arahan atau sebagai pemerhati. Mereka menjadi fokus utama di mana pemain tempatan yang terdiri daripada agensi rasmi dan berkepentingan, bersama-sama serta menawarkan dorongan dan proses pengesahan. Latihan pemetaan dan penilaian dijalankan secara bebas oleh pihak Sekretariat dalam bekerjasama dengan pihak berkepentingan di peringkat tempatan. Projek yang dikenalpasti berdasarkan keperluan tempatan tanpa mengira rasa takut dan sifat berat sebelah dijalankan dengan fokus yang jelas terhadap kesaksamaan dan keterangkuman. Pendekatan berstruktur ini membawa kepada kekukuhan dan kredibiliti APPGM, dalam memastikan ia menjadi sebahagian daripada teras utama Malaysia dalam penyampaian SDG dan memberikan kuasa besar kepada kumpulan ini dalam kalangan penggubal dasar.

Tahun ini merupakan tahun yang penting bagi SDG kerana ia menandakan titik pertengahan kepada tahun 2030, dan penilaian kemajuan dari pelbagai peringkat telah menunjukkan jurang prestasi yang ketara. Meskipun analisis menunjukkan Malaysia adalah jauh lebih baik berbanding yang lain, ia juga berdepan dengan beberapa cabaran SDG. Kebanyakan perkara ini adalah kerana keperluan "*last mile*" dalam memenuhi piawaian perkhidmatan kelas pertama dan perlindungan alam sekitar, dan juga cabaran dalam penyampaian tadbir urus yang baik dan memastikan tiada siapa ketinggalan. Jelas sekali, agenda penyetempatan SDG merupakan bahagian utama yang memerlukan penyelesaian, dan gerak kerja APPGM telah menjadi semakin menonjol kepada usaha Malaysia secara keseluruhan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Memasuki tahun 2024, pihak UNCT di Malaysia berharap kerjasama yang lebih meluas dan mendalam bersama rakan kongsi di APPGM.



Professor Datuk Dr. Denison Jayasooria

Ketua Sekretariat

Kami kini berada di tahun ke-empat (2023) dalam usaha penglokalisasi agenda SDG di Malaysia bersama ahli parlimen sebagai juara SDG. Pihak kami kini telah bekerjasama dengan 85 ahli parlimen bersama kami sejak tahun 2020 hingga 2023. Sebahagian daripada ahli parlimen ini telah bertukar di antara sidang parlimen ke-14 dan ke-15, namun pihak kami masih menerima sokongan yang baik daripada mereka semua.

Adalah penting untuk ditekankan bahawa terdapat tiga resolusi (A/RES/76/270, A/RES/72/278 dan A/RES/77/159) yang telah digunapakai oleh perhimpunan agung PBB terhadap peranan ahli parlimen dalam pelaksanaan SDG di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan tempatan. Meskipun agenda pembangunan sosio-ekonomi dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan persekutuan, namun setiap badan pentadbiran mempunyai peranan yang tersendiri. Hal ini secara tidak langsung menepikan peranan parlimen dan ahli parlimen meskipun melalui resolusi perhimpunan agung PBB terdapat pengiktirafan terhadap peranan dan sumbangan oleh badan perundangan menerusi ahli parlimen.

Dalam konteks ini dan selaras dengan matlamat ke-17, Malaysia telah menggunakan proses penglibatan dengan pelbagai pihak berkepentingan. Aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak APPGM-SDG pada tahun 2023 telah menambah baik proses ini. Pihak APPGM-SDG telah menerima sokongan yang baik daripada pejabat daerah dari pelbagai lokasi pada tahun 2023. Daripada 28 lokasi, 26 lokasi telah mengadakan mesyuarat interagensi yang telah dipengerusikan oleh pegawai daerah (DO) dan penolong pegawai daerah (ADO). Ini merupakan satu pencapaian yang bermakna dalam agenda penyetempatan SDG di peringkat bawah dan libat urus bersama agensi di peringkat daerah dari persekutuan dan negeri yang beroperasi di peringkat tempatan.



Pihak APPGM-SDG juga telah menyaksikan peningkatan yang luar biasa rakan solusi dan pada tahun 2023 pihak APPGM-SDG telah merekrut 364 rakan solusi yang merupakan tentera pelaku SDG dalam projek ekonomi, sosial dan alam sekitar. 44% daripada organisasi ini berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, selebihnya merupakan pertubuhan sukarela dan masyarakat sivil. Selain daripada itu, rakan kongsi daripada universiti juga meningkat kepada 52 ahli akademik daripada 15 universiti awam dan juga swasta memainkan peranan dalam menjalankan penilaian impak.

Pencapaian dan cabaran yang dilalui oleh pihak APPGM-SDG sepanjang tahun 2023 telah didokumenkan dalam pelbagai laporan dan pembentangan bergambar dalam laporan tahunan ini. Kami telah menyatukan dan mempercepatkan pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi.

Pihak kami telah mengiktiraf kerja keras ahli Jawatankuasa APPGM-SDG yang telah mengadakan perjumpaan sebanyak 26 kali pada tahun 2023 untuk membuat keputusan, terutamanya mengenai dana yang diperuntukkan bagi projek penyelesaian dan projek kebun komuniti. Tonggak kepimpinan APPGM-SDG yang diketuai oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis dengan sokongan semua ahli jawatankuasa.

Selaku Ketua Sekretariat APPGM-SDG, saya berasa berhutang budi kepada pasukan sekretariat APPGM-SDG terutamanya kepada 37 pasukan staf sekretariat. Ucapan penghargaan khas kepada Pengarah Kanan, Puan Nur Rahmah Othman dan semua pengarah - pengarah bahagian (Encik Anthony, Encik James Ryan Raj, Dr Teo Sue Ann dan Zoel Ng), pembantu pengarah dan pegawai eksekutif dalam kepimpinan mereka. Terima kasih juga diucapkan kepada staf - staf lain yang memainkan peranan mereka bagi mencapai matlamat yang ditetapkan dalam penyetempatan SDG atas kerja keras dan dedikasi yang telah diberikan.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan solusi, pakar rujuk dan mereka yang menyemak kertas cadangan, dan ahli akademik yang telah terlibat dalam penilaian projek SDG melalui Persatuan Sains Sosial. Penghargaan juga diberikan kepada ahli EXCO Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari dan semua rakan kongsi CSO termasuk Pakatan CSO-SDG Malaysia.

1

AHLI PARLIMEN & SDG



Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG (Parlimen ke-15)



Pengerusi

YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis
(Warisan)



Timbalan Pengerusi

YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah
(PN)



Setiausaha

YB Datuk Zahari Kechik
(PN)



Bendahari

YB Puan Rodiyah Sapiee
(GPS)



Ahli

YB Dato' Siti Zailah Mohd
Yusoff
(PN)



Ahli

YB Tuan
Chiew Choon Man
(PH)



Ahli

YB Puan
Young Syefura Othman
(PH)



Ahli

YB Tuan
Mordi anak Bimol
(PH)



Ahli

YB Tuan
Rushdan Rusmi
(PN)



Ahli

YB Senator Tuan
Isaiah A/L D. Jacob
(Ahli Dewan Negara)



Ahli

YB Senator
Susan Chemera Anding
(Ahli Dewan Negara)



Ahli

YB Senator Datin Hajah
Ros Suryati Alang
(Ahli Dewan Negara)



Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG

Bil	Perkara	Tarikh
1	Mesyuarat Jawatankuasa Pro-Tem: Bil 1/2023	30 Januari 2023
2	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 2/23	09 Mac 2023
3	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 3/23	03 April 2023
4	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 4/23	10 Mei 2023
5	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 5/23	07 Jun 2023
6	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 6/23	27 Jun 2023
7	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 7/23	07 Julai 2023
8	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 8/23	14 Julai 2023
9	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 9/23	21 Julai 2023
10	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 10/23	28 Julai 2023
11	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 11/23	4 Ogos 2023
12	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 12/23	14 Ogos 2023
13	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 13/23	18 Ogos 2023
14	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 14/23	25 Ogos 2023
15	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 15/23	1 September 2023
16	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 16/23	8 September 2023
17	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 17/23	15 September 2023
18	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 18/23	22 September 2023
19	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 19/23	29 September 2023
20	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 20/23	6 Oktober 2023
21	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 21/23	13 Oktober 2023
22	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 22/23	20 Oktober 2023
23	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 23/23	25 Oktober 2023
24	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 24/23	27 Oktober 2023
25	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 25/23	3 November 2023
26	Mesyuarat Jawatankuasa: Bil 26/23	15 Disember 2023

Ahli-Ahli Kawasan Parlimen yang telah Dilawati bagi Tahun 2023

**YB TUAN
RUSYDAN RUSMI**



P001 PADANG BESAR

**YB DR
TAUFIQ JOHARI**



P015 SUNGAI PETANI

**YB DATO' SITI ZAILAH
MOHD YUSOFF**



P023 RANTAU PANJANG

**YB DATO' SRI
IKMAL HISHAM ABDUL
AZIZ**



P027 TANAH MERAH

**YB DATO' DR. HJ.
ALIAS RAZAK**



P035 KUALA NERUS

**YB TUAN
CHE ALIAS HAMID**



P040 KEMAMAN

**YB DR. SITI MASTURA
MUHAMMAD**



P041 KEPALA BATAS

**YB TUAN
WONG KAH WO**



P060 TAIPING

**YB TUAN KESAVAN A/L
SUBRAMANIAM**



P062 SUNGAI SIPUT

**YAB DATO' SERI
ANWAR IBRAHIM**



P063 TAMBUN

**YB DATUK
ISKANDAR DZULKARNAIN
ABDUL KHALID**



P067 KUALA KANGSAR

**YB TUAN
CHOW YU HUI**



P080 RAUB

**YB PUAN HAJAH
RODZIAH ISMAIL**



P099 AMPANG

**YB DATO' DR.
AHMAD YUNUS HAIRI**



P112 KUALA LANGAT

**YB TUAN
LIM LIP ENG**



P114 KEPONG

**YB DATUK SERI
JALALUDDIN ALIAS**



P126 JELEBU



**YB DATUK WIRA
MAS ERMIEYATI**



P134 MASJID TANAH

**YB PUAN
WONG SHU QI**



P152 KLUANG

**YB TUAN HAJI
MUHAMMAD ISLAHUDDIN**



P154 MERSING

**YB DATUK SERI HAJI
AHMAD HAJI MASLAN**



P164 PONTIAN

**YB DATO'
VERDON BAHANDA**



P167 KUDAT

**YB DATUK
JONATHAN YASIN**



P179 RANAU

**YB DATUK SERI DR
RONALD KIANDEE**



P183 BELURAN

**YB PUAN
VIVIAN WONG SHIR YEE**



P186 SANDAKAN

**YB DATUK
WILLIE ANAK MONGIN**



P198 PUNCAK BORNEO

**YB DATUK
ALI ANAK BIJU**



P205 Saratok

**YB DATUK LARRY SOON @
LARRY SNG WEI SHIEN**




P209 JULAU

**YB TUAN
CHIEW CHOON MAN**



P219 MIRI


PENYETEMPATAN SDG TAHUN 2020 HINGGA



DI 85 LOKASI TAHUN 2023

SABAH (14)

Kota Belud, Papar, Libaran, Pensiangan, Tawau, Beaufort, Tenom, Kalabakan, Keningau, Lahad Datu, Kudat, Beluran, Sandakan, Ranau



SARAWAK (15)

Selangau, Hulu Rajang, Batang Lupar, Batang Sadong, Bandar Kuching, Tanjong Manis, Igan, Baram, Kota Samarahan, Betong, Serian, Puncak Borneo, Miri, Julau, Saratok

Penglibatan Ahli Parlimen dalam Program APPGM-SDG pada Tahun 2023

Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Tahun 2030 menggalakkan penglibatan aktif ahli-ahli parlimen. Di Malaysia, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia bagi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) atau APPGM-SDG berfungsi sebagai penggerak penglibatan aktif daripada pihak ahli Parlimen dalam penyetempatan SDG.

Pada tahun 2023, kami menyaksikan penglibatan aktif ahli Parlimen yang bersifat dwipartisan sama ada di peringkat akar umbi dan dalam perbahasan di Parlimen.

344

Jumlah penglibatan aktif
Ahli Parlimen dalam
menyetempatan SDG

91

Jumlah Penglibatan
dalam Mesyuarat
Jawatankuasa

Pemetaan Isu

Mesyuarat Pengutamaan Isu,
Mesyuarat Awalan dan Pemprofilan
Lawatan Pemetaan Isu

57

41

Penyertaan dalam
Program Pelancaran
Buku dan Laporan

**Projek Solusi dan
Kebun Komuniti**

30

125

Persidangan, Bengkel,
Forum, Sesi Dialog,
Perbincangan Meja
Bulat dan Mesyuarat



**Sokongan
penuh daripada
Ahli Parlimen
telah memacu
penyetempatan
SDG di Malaysia.**

2

TERAS UTAMA & SEKRETARIAT





Tahun Keempat dalam Penyetempatan SDG

Pihak kami bermula daripada satu pasukan kecil yang dianggotai ahli aktivis dan ahli akademik dalam pembentukan APPGM-SDG pada bulan Oktober 2019, pihak kami tidak menyangka akan menerima banyak sokongan terutamanya daripada pihak Speaker dan 85 Ahli - ahli Parlimen dari sidang Parlimen ke -15 (Disember 2022 hingga kini) dan sidang Parlimen ke - 14 (tahun 2018 hingga Oktober 2022) ini termasuk sokongan daripada agensi terutamanya Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan dan agensi-agensi lain di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan. Usahasama yang dijalankan bersama komuniti tempatan, rakan solusi, ahli akademik dan aktivitis badan CSO-NGO. Ini merupakan satu perjalanan yang mengagumkan. Dari perspektif pihak Sekretariat, kami telah mengenalpasti 10 trend utama: -

TREND 1	Kepimpinan baharu, ahli parlimen sidang ke-15 menerajui APPGM-SDG
TREND 2	Pengembangan usaha mandat penyetempatan SDG melalui pertambahan dana
TREND 3	Penggabungan metodologi teknik penyelidikan teori bersebab
TREND 4	Peningkatan sokongan daripada pejabat daerah dan agensi tempatan
TREND 5	Pengembangan hasil penyelidikan dasar menerusi analisis dan penerbitan
TREND 6	Ledakan projek solusi mikro SDG di kawasan setempat
TREND 7	Kemunculan gerakan sosial oleh rakan solusi dan penerima manfaat
TREND 8	Penekanan pendekatan tematik - Membina komuniti Inklusif
TREND 9	Pemeriksaan pihak Sekretariat
TREND 10	Perangkaian bersama 4 jaringan global parlimen



Trend 1: Kepimpinan baharu, ahli parlimen sidang ke-15 menerajui APPGM-SDG

Sesi pertama sidang Parlimen ke-15 telah berlangsung pada 19 dan 20 Disember 2022. Pada waktu ini, pihak sekretariat telah berjumpa dengan beberapa ahli Parlimen untuk mendapatkan sokongan daripada pihak mereka. YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis dan YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah telah bersetujui untuk mengelolakan jawatankuasa. Pihak Sekretariat telah berjaya mendapatkan sokongan daripada 9 ahli Parlimen sekaligus membentuk ahli jawatankuasa sementara.

Pada 21 Mac 2023, Parlimen telah mengumumkan penubuhan KRPPM. Pihak Sekretariat telah menghantar permohonan yang telah ditandatangani oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis dan telah menerima sokongan rasmi daripada Setiausaha Parlimen. Terdapat beberapa perubahan pada barisan ahli Parlimen dalam Jawatankuasa dan laporan ini mengandungi perinciannya. Terdapat komitmen dwipartisan yang sangat kuat diantara ahli Parlimen sama ada daripada pihak Kerajaan dan pihak Pembangkang dalam penyetempatan SDG.

Ahli jawatankuasa mempunyai penglibatan yang sangat aktif pada tahun 2023 memandangkan terdapat perjumpaan secara mingguan diadakan bagi mendapatkan persetujuan daripada pihak ahli jawatankuasa bagi projek solusi SDG. Secara keseluruhannya sebanyak 26 mesyuarat jawatankuasa telah diadakan pada tahun 2023. Majoriti mesyuarat tersebut diadakan secara dalam talian.

Ketampakan ahli Parlimen lebih banyak di program APPGM-SDG seperti pelancaran buku dan laporan, bengkel dan persidangan, sesi dialog bersama penyelidik di peringkat pemetaan isu dan lawatan tapak serta beberapa ahli Parlimen juga berkunjung ke kawasan projek solusi di kawasan setempat.

Trend 2: Pengembangan usaha mandat penyetempatan SDG melalui pertambahan dana

Gerak kerja bagi tahun 2023 kami telah bertambah seiring dengan pertambahan dana bukan sahaja bagi gerak kerja penyetempatan SDG di peringkat kawasan Parlimen tetapi juga penambahan dana bagi gerak kerja kebun komuniti bersama komuniti tempatan. Pada tahun 2022, Kementerian Kewangan (MoF) telah memperuntukkan sebanyak RM 10 Juta dan pada tahun 2023 terdapat kenaikan sebanyak 100% kepada RM 20 Juta bagi gerak kerja penyetempatan SDG. Lanjutan daripada itu, terdapat pengembangan projek solusi seperti yang telah dipaparkan di dalam laporan ini.

Satu perkembangan yang penting pada awal tahun 2023, dimana pihak MoF telah meminta pihak APPGM-SDG menggunakan jaringan komuniti mereka untuk melaksanakan projek Kebun Komuniti bersama komuniti tempatan. Pihak MoF telah memperuntukkan sebanyak RM 10 Juta. Laporan ini menekankan strategi yang telah digunapakai untuk menjalankan lebih kurang 200 penambahan projek kebun komuniti. Pihak Sekretariat perlu mengambil staf baharu untuk menjalankan tugas tambahan ini. Penambahan dana yang diberikan oleh pihak MoF adalah selari dengan hasil ditunjukkan oleh APPGM-SDG dalam projek solusi di peringkat akar umbi. Pihak Sekretariat berada dalam tekanan untuk menyampaikan hasil yang memenuhi jangkaan serta mengekalkan akauntabiliti serta tadbir urus yang baik. Kumpulan staff sekretariat APPGM-SDG telah bekerja keras untuk mencapai sasaran.



Trend 3: Penggabungan metodologi teknik penyelidikan teori bersebab

Sejak tahun 2020, pihak kami telah melakukan ujian rintis bagi pemetaan isu melalui perbincangan kumpulan berfokus, lawatan tapak dan sesi dialog bersama orang tempatan dan agensi di peringkat daerah. Pihak kami telah merakam dengan kebenaran peserta dan telah mentranskripsikan rakaman tersebut untuk dokumenkan pandangan tersebut sekaligus mengenal pasti pandangan yang sama atau berbeza. Terdapat komitmen yang kukuh dalam metodologi teknik penyelidikan teori bersebab.

Pada tahun 2023, pihak kami telah menjalankan pemetaan isu di 28 kawasan Parlimen yang separuhnyanya daripadanya merupakan ahli parlimen daripada pihak kerajaan dan selebihnya daripada pihak pembangkang. Pihak kami juga telah melakukan lawatan tapak di Parlimen Tambun, yang merupakan kawasan parlimen Perdana Menteri dan juga lawatan tapak di Parlimen Pontian, yang merupakan kawasan parlimen Timbalan Menteri Kewangan.

Pihak *MySDG Center for Social Inclusion* (MySDG CSI) juga bekerjasama dengan pihak penyelidik kawasan Parlimen Sekretariat dan pakar rujuk untuk menjalankan analisis situasi berdasarkan tema tematik yang merentasi pelbagai kawasan parlimen.

Pada penghujung tahun 2023, pihak sekretariat telah mendapat mandat daripada ahli jawatankuasa untuk menjalankan enam projek penyelidikan khas seperti Jadual 1.1 yang menyediakan ringkasan berkenaan enam projek ini. Ini merupakan komponen penting dalam metodologi yang digunapakai memandangkan pihak kami menggunakan advokasi dasar berasaskan bukti. Pusat MySDG CSI menyediakan kepimpinan dan garis panduan dan kebanyakan kerja ditugaskan kepada ahli akademik dan rakan solusi.

Kajian ini mempunyai fokus daripada pelbagai dimensi, analisis daripada perspektif SDG dan cadangan polisi untuk menangani isu di akar umbi dan memastikan penyelesaian yang berkesan kepada isu dan keperluan yang dikenal pasti terutamanya dalam menangani kemiskinan dan jika etnik dan budaya mempunyai kaitan untuk mencari penyelesaian jangka panjang. Jadi pihak kami menjalankan kajian terhadap etnik yang khusus memandangkan setiap komuniti mempunyai kekurangan tersendiri yang dialami dalam komuniti mereka. Ini adalah kajian etnografi yang mendalam yang membawa kepada dialog dasar dan advokasi.

Jadual 1.1: Enam projek penyelidikan khas

Kemiskinan (Sabah)	Tiga daerah termiskin di Sabah
Kemiskinan (Sarawak)	Tiga daerah termiskin di Sarawak
Kemiskinan (Orang Asli)	Fokus kepada perkampungan orang asli di Jeli dan Pekan



Kemiskinan (Masyarakat India)	Fokus penyelidikan terhadap keluarga masyarakat India termiskin di kawasan Parlimen Tambun, Buntong dan Kapar-Klang. Analisis terhadap kemiskinan bandar dan cadangan dasar.
Pembangunan Tidak Terkawal (Kuala Lumpur)	Meneliti dasar Bandaraya KL bersama Persatuan Penduduk KL berkenaan SDG tentang SDG 11 mengenai penyertaan penduduk dalam perancangan bandar.
Nelayan (seluruh negara)	Kajian nasional tentang cabaran yang dihadapi oleh komuniti nelayan terutamanya komuniti nelayan pesisir pantai dan darat bagi membuat cadangan dasar.

Trend 4: Peningkatan sokongan daripada pejabat daerah dan agensi tempatan

Pada permulaan tahun 2020, pelbagai pihak di peringkat daerah tidak mengetahui tentang kewujudan APPGM atau tentang SDG. Melalui campur tangan daripada pihak Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dalam mewujudkan kesedaran melalui setiausaha kerajaan negeri serta melalui unit perancangan ekonomi peringkat negeri pada tahun 2021 dan 2022, situasi itu telah berubah ke arah kerjasama.

Berdasarkan rekod pihak kami, daripada 28 daerah yang telah dilawati pada tahun 2023, 26 daerah mendapat penyertaan aktif daripada pegawai daerah (DO) dan pembantu pegawai daerah (ADO) dengan mempengerusikan mesyuarat antara agensi. Semasa perbincangan pra-lawatan tapak, daripada 28 daerah, sebanyak 26 mesyuarat telah dipengerusikan oleh pegawai daerah dan pembantu pegawai daerah. Ini merupakan satu pencapaian yang besar dalam mendapatkan kerjasama dan penyertaan di peringkat kerajaan negeri dan agensi di peringkat daerah. Perjumpaan ini secara tidak langsung dapat menjamin kerjasama untuk penyelesaian jangka panjang bagi beberapa isu tempatan.

Ini merupakan pendekatan yang proaktif dan menambah baik model kerjasama di peringkat daerah. Pihak APPGM-SDG telah mula kajian rintis di peringkat daerah menerusi jawatankuasa SDG. Pihak kami telah mula menjalankan kajian bagi keperluan dan isu melibatkan kebajikan. Pihak kami telah mengadakan perjumpaan bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri pada 13 April 2023 dan berkongsi berkenaan penemuan di kajian lapangan yang berkaitan dengan kebajikan. Hasil perbincangan ini, pihak kami telah mengadakan perjumpaan bersama pegawai kementerian yang secara tidak langsung telah menghasilkan tiga intervensi perintis iaitu Kubang Pasu, Seberang Perai dan Kepong. Satu di kawasan luar bandar, satu lagi separa bandar dan akhir sekali di lokasi bandar.



Trend 5: Pengembangan hasil penyelidikan dasar menerusi analisis dan penerbitan

Tahun 2023 menyaksikan banyak buku dan laporan telah dilancarkan. Jadual 1.2 memberikan perinciannya. Ini merupakan sumbangan daripada pihak kami terhadap pembangunan pengetahuan berkenaan program dan polisi SDG di Malaysia. Kumpulan kami mempunyai peluang yang unik melalui lawatan tapak dan kajian asas untuk mengeluarkan kebimbangan melibatkan kajian polisi. Pihak kami juga telah mengambil pekerja untuk berkhidmat bersama kami yang mempunyai kelayakan pasca siswazah dan seramai enam pemegang PhD telah bekerja dalam pasukan kami.

Pihak sekretariat telah menerbitkan laporan tahunan sejak pada tahun 2020, 2021 dan 2022 yang mengandungi laporan audit yang telah dikeluarkan oleh Juruaudit yang telah dilantik. Laporan-laporan ini juga telah diterbitkan di dalam laman web rasmi Parlimen Malaysia serta diletakkan di atas meja setiap ahli parlimen dengan kebenaran pegawai-pegawai Parlimen. Ini merupakan satu contoh yang baik dalam memaparkan sifat akauntabiliti terhadap mandat yang telah diberikan terhadap pemberian dana awam kepada pihak kami.

Ketika pelancaran terbitan Laporan Tahunan bagi Tahun 2022, pihak sekretariat juga telah melancarkan tujuh buku lain. Tiga penerbitan daripada tujuh buku tersebut merupakan adalah berkaitan dengan latihan pemetaan yang merangkumi analisis situasi, ini merupakan hasil karya suntingan Dr Alizan Mahadi dan Dr Zainal Sanusi, dan dua karya suntingan Dr Teo Sue Ann daripada latihan pemetaan pada tahun 2022 dan analisis situasi. Kesemua terbitan bersifat rentas matlamat SDG dan kawasan parlimen. Ini berguna untuk advokasi dasar dan dialog di kalangan agensi.

Dua terbitan yang telah disunting oleh James Ryan Raj dan Paniirselvam Jayaraman memfokuskan pada projek solusi dan satu lagi terbitan oleh Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli & Prof. Dr. Sity Daud tentang penilaian impak bagi projek solusi tahun 2020. Sejak daripada mula, pihak kami telah menetapkan penilai luar untuk menilai projek yang kami telah biaya secara bebas. Penilaian impak terhadap projek solusi yang telah dijalankan dapat meningkatkan penyampaian dan pemantauan projek solusi yang dijalankan.

Sambungan utama daripada idea SDG seterusnya didokumenkan sebagai prosiding Persidangan SDG 2022. Terbitan ini telah merekodkan sebanyak 42 kertas. Terdapat satu lagi buku yang telah disunting oleh Dr Teo Kee Len dan Debbie Loh bertajuk Polisi SDG yang mengandungi 16 artikel terpilih daripada persidangan 2022 yang telah ditulis semula dan disunting untuk diterbitkan. Ini juga secara tidak langsung dapat memperluaskan pangkalan pengetahuan tentang SDG.



Jadual 1.2: Buku dan laporan yang dilancarkan pada tahun 2023

Buku/Laporan	Tarikh	Tempat
<i>Localising SDGs and Local Issues</i> (bersama ISIS Malaysia). Disunting oleh Alizan Mahadi dan Zainal Abidin Sanusi	16 Mac 2023	Parlimen Malaysia
<i>Proceedings - Malaysia SDG Conference 2022.</i> Disunting oleh Denison Jayasooria & Cik Zoel Ng	17 April 2023	Pejabat Sekretariat
<i>SDG Solution Projects: Best Practices Impacting the Grassroots.</i> Disunting oleh James Ryan Raj dan Paniirselvam Jayaraman	19 Jun 2023	Acara KSI
<i>From Global to Local: Sharing Experiences and Impacts in Localising Solutions in Malaysia.</i> Ditulis oleh Rashila Ramli dan Sity Daud (Diterbitkan oleh PSSM untuk APPGM SDG)	19 Jun 2023	Acara KSI
<i>SDG Policies and Practices in Malaysia.</i> Disunting oleh Dr Teo Lee Ken dan Debbie Loh	21 Ogos 2023	Acara Perikatan CSO-SDG Malaysia
Laporan Tahunan APPGM-SDG 2022	9 Oktober 2023	Parlimen Malaysia
<i>SDGs and Grassroots Realities: Seven Community Case Studies in Malaysia.</i> Disunting oleh Dr Teo Sue Ann	25 Oktober 2023	Parlimen Malaysia
<i>Localising SDGs and Grassroots Concerns of Six Vulnerable Groups in Malaysia.</i> Disunting oleh Dr Teo Sue Ann	25 Oktober 2023	Parlimen Malaysia

Trend 6: Ledakan projek solusi mikro SDG di kawasan setempat

Projek solusi berskala mikro merupakan satu komponen yang penting dalam penyetempatan SDG. Di antara tahun 2020 dan 2022, kami telah membiayai sebanyak 321 projek solusi, walaubagaimanapun pada tahun 2023 termasuk kebun komuniti telah menjadikan jumlah projek dibiayai oleh pihak kami adalah sebanyak 543. Pihak kami telah menyaksikan peningkatan yang mendadak di antara tahun berikut. Lonjakan peningkatan sebanyak 69% iaitu sebanyak 222 projek solusi. Lantaran itu, jumlah kumulatif sepanjang 4 tahun (2020-2023) adalah 864 projek solusi. Ini merupakan satu angka yang mengagumkan berkenaan projek solusi berskala mikro berkaitan SDG di peringkat akar umbi.

Pada tahun 2023, dengan penambahan dana bagi gerak kerja projek penglokalisasi SDG pihak kami telah membuat peruntukan bagi 508 projek solusi dengan tujuh jenis geran seperti ditunjukkan di dalam jadual 3. Namun pada penghujung tahun 2023, sebanyak 543 projek solusi telah diluluskan oleh ahli jawatankuasa APPGM-SDG. Pihak kami telah melangkaui sasaran yang ditetapkan dengan 35 projek solusi. Ini merupakan satu kejayaan yang besar bagi kumpulan staf dalam mengenalpasti dan menguruskan geran sebelum dibentangkan kepada ahli jawatankuasa yang terdiri daripada ahli parlimen bagi kelulusan.

Daripada tujuh geran pada tahun 2023, tiga daripadanya dijalankan di kawasan parlimen (Projek Fasa 1 hingga Fasa 3) yang di antara 85 kawasan parlimen terpilih bagi gerak kerja APPGM-SDG. Empat dana lagi merupakan dana tambahan yang telah diberikan oleh pihak MoF bagi masyarakat di akar umbi. Pihak kami mula menekankan kepada pusat pembelanjaraan komuniti yang merupakan projek susulan daripada projek solusi yang berjaya di kawasan parlimen tersebut. Pihak kami juga menerima banyak permintaan bagi projek penajaan pendapatan jadi tambahan dana boleh membiayai sebanyak 100 projek tambahan.

Pihak kami telah memutuskan untuk melakukan susulan bagi 10 projek terpilih berdasarkan hasil yang baik telah ditunjukkan dengan potensi untuk diskalakan dengan geran yang lebih besar iaitu sebanyak RM100,000 bagi setiap projek. Pengiktirafan kelestarian bagi tempoh jangka masa panjang bagi projek SDG berasaskan komuniti ini. Bagi 10 projek ini, pihak kami telah memperuntukkan sedikit dana bagi program pembangunan kapasiti yang akan dijalankan pada awal tahun 2024.

Kebun komuniti merupakan satu inisiatif baharu. Di antara tahun 2020 dan 2022, pihak kami telah membiayai sebanyak 53 projek kebun komuniti. Ketika pihak MoF menjemput pihak kami untuk menguruskan tambahan dana sebanyak RM10 Juta, kami telah menjemput sekumpulan teras yang terdiri daripada rakan solusi yang telah berjaya menjalankan projek kebun komuniti yang menjadi nukleus kami. Kumpulan teras yang terdiri daripada 20 orang rakan solusi telah mengadakan satu perjumpaan pada 27 dan 28 Mei 2023 telah berkongsi bersama pihak kami nasihat yang membantu untuk menulis kertas kerja proposal bagi RM10 Juta.



Di dalam laporan ini terdapat maklumat lanjut berkenaan projek solusi yang telah dijalankan. Projek - projek ini adalah untuk menangani kebimbangan berkaitan aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Projek ini semua berasaskan komuniti tempatan dan dijalankan oleh rakan solusi tempatan yang dapat memberikan manfaat kepada penduduk tempatan. Penilaian wajar juga dilakukan selari dengan pemberian geran seperti menjalankan pemantauan secara berkala, lawatan tapak ke kawasan projek dan penilaian impak daripada kumpulan penilai luar ini telah berjaya membina model yang berkesan dalam membina kapasiti komuniti tempatan dan rakan sosial untuk melaksanakan projek mikro berskala kecil yang memerlukan penyertaan aktif penduduk tempatan.

Jadual 1.3: Jenis - jenis geran yang disediakan (2023)

Jenis Geran	Saiz Geran	Bilangan geran: Disasarkan	Bilangan geran: Diberikan
Fasa 1 Dana Kawasan Parlimen	RM120,000 bagi setiap kawasan parlimen terpilih (RM 30,000-RM40,000 bagi setiap projek)	84	94
Fasa 2 Dana Kawasan Parlimen	RM60,000 bagi setiap kawasan parlimen terpilih (RM30,000 x2) bagi setiap kawasan parlimen terpilih	54	54
Fasa 3 Dana Kawasan Parlimen	RM60,000 bagi setiap kawasan pilihan raya (RM30,000 x2) bagi setiap kawasan parlimen terpilih	60	60
Pusat Pembelajaran Komuniti	RM40,000 bagi setiap pusat pembelajaran komuniti	25	25
Penjanaan Pendapatan	RM 40,000 bagi setiap projek penjanaan pendapatan	100	100
Geran Khas	RM100,000 bagi setiap projek geran khas	20	10
Kebun Komuniti	RM40,000 bagi setiap projek kebun	165	200
JUMLAH		508	543

Trend 7: Kemunculan gerakan sosial oleh rakan solusi dan penerima manfaat

Semasa kami baru bermula pada tahun 2020, kebanyakan rakan kongsi CSO-NGO kami berada di Lembah Klang. Semasa kami dalam proses mengenalpasti lokasi kawasan parlimen di seluruh negara, pihak kami perlu mengenalpasti dan merekrut rakan kongsi lain terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar dan bandar lain.

Pada masa ini, terdapat 523 rakan solusi di seluruh 85 kawasan parlimen. Terdapat pecahan terperinci mengenai mereka dalam laporan ini. Adalah penting untuk menyatakan bahawa mereka adalah pemain SDG di lapangan. Mereka tinggal berdekatan dengan orang ramai dan mereka membimbing dalam penyampaian perkhidmatan. Pasukan pemantauan penyelesaian kami berhubung rapat dengan mereka semua.

Pada 19 Jun 2023, KSI telah menganjurkan Anugerah SDG untuk sektor swasta dan sektor sukarela semasa Sidang Kemuncak Kepimpinan Kelestarian Malaysia ke-2 dan sepuluh daripada penyedia penyelesaian kami telah disenarai pendek untuk anugerah SDG. Ia adalah satu pengiktirafan bagi projek solusi SDG yang dijalankan dalam menangani kebimbangan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Pada acara KSI kami melancarkan dua buku iaitu amalan terbaik di dalam projek solusi serta laporan penilaian impak oleh pihak PSSM.

Pada 17 Disember 2023 kami melancarkan Rangkaian Penyedia Penyelesaian Nasional (SOLSNET) semasa program pembinaan kapasiti pembekal penyelesaian wilayah Tengah. Rangkaian ini akan berfungsi sebagai platform untuk menyelaraskan dan memperkasakan rakan solusi ke dalam rangkaian yang lebih berkesan. Kami sedang meneroka kemungkinan untuk menubuhkan sebuah koperasi untuk menjalankan pemasaran dan penjualan hasil oleh rakan solusi terutamanya kerja kraftangan, jahitan dan percetakan. Terdapat cadangan untuk membuka Kedai SDG.

Pihak kami juga telah mengenalpasti potensi rakan solusi dan penerima manfaat, jika kami menggerakkan 523 pemain SDG dan 10 hingga 15 penerima manfaat mereka yang berjumlah 5,230 hingga 7,845 orang. Jika diambil kira ahli keluarga mereka maka kita adalah satu gerakan sosial yang besar di peringkat akar umbi. Oleh itu untuk tahun 2024 kami mengambil tema Membina Ketahanan: Daripada Penerima Manfaat kepada Juara SDG. Kami benar-benar mahu komuniti di peringkat akar umbi bergerak melangkaui pergantungan dan pemberian ke arah daya tahan, pemeraksanaan dan kelestarian.



Trend 8: Penekanan tematik – Membina komuniti inklusif

Pada penghujung tahun 2021, pihak kami telah menghasilkan modul jurulatih tentang Membina Komuniti Inklusif (BIC) dan mengadakan ujian rintis di 3 lokasi. Pada awal tahun 2022, pihak UNDP yang membiaya projek ini telah menerbitkan modul jurulatih tersebut.

Pada 6 dan 7 Mei 2023, pihak kami telah menganjurkan sesi Melatih Jurulatih (*Training of Trainers, ToT*) dan telah menjemput rakan solusi ke latihan ini. Pihak kami telah mendapati rakan solusi merupakan sebahagian daripada komuniti tempatan dan projek mikro yang berkait rapat dengan akar umbi ketika melaksanakan projek solusi SDG. Dengan menggalakkan mereka untuk menjalankan BIC, mereka mampu menghasilkan impak di peringkat tempatan dengan komuniti setempat dengan tema BIC yang menghargai kepelbagaian dan memupuk penetapan minda yang inklusif berkenaan SDG.

Pada tahun 2023, dua rakan solusi, satu di Pulau Pinang dan satu di Kuantan telah menjalankan bengkel BIC. Kami telah menyedari potensinya dan akan mempergiatkan jangkauannya.

Di peringkat kebangsaan, terdapat banyak polarisasi berdasarkan kaum dan pegangan agama. BIC berpotensi untuk menjadi naratif alternatif dalam membina komuniti inklusif dan memastikan tiada siapa ketinggalan. Kami sedang melihat kemungkinan untuk menubuhkan pusat pembelajaran bagi orang dewasa dimana literasi rakyat tentang pembangunan negara dan perlembagaan persekutuan, hal-hal berkaitan sivik boleh dianjurkan untuk pemimpin tempatan.

Trend 9: Pemerkasaan Pihak Sekretariat

Pada permulaan tahun 2020, kami cuma mempunyai dua orang staf sepenuh masa di sekretariat dan yang lain merupakan sukarelawan daripada CSO-NGO dan Universiti. Walaubagaimanapun, pada tahun 2023 lantaran daripada penambahan beban kerja dan *deliverable*, pihak sekretariat kini diuruskan sepenuhnya oleh kumpulan dengan 35 staf sepenuh masa, dan perunding serta pakar rujuk. Mereka semua telah memperuntukkan masa dan tenaga mereka dalam penglokalisasi SDG. Pihak kami telah beroperasi dari premis sewaan di Avenue 8, Petaling Jaya.

Pihak kami dipandu dengan kelulusan bajet secara tahunan dimana pihak sekretariat telah mengeluarkan dokumen rangka kerja dan matlamat untuk memastikan semua *deliverable* perlu dijalankan sebelum tarikh akhir. Ini adalah penting untuk dokumen tahunan yang membimbing pencapaian.

Di bawah penyeliaan dan bimbingan oleh ketua sekretariat, pengarah kanan, dan tiga pengarah (Kewangan, Kawasan Parlimen dan Akademi MySDG) dan 3 perunding (Penyelidikan, Sabah dan Sarawak). Sebahagian daripada posisi dan perlantikan ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2023 terutamanya dalam pemerkasaan kepimpinan sekretariat dengan pemberian kuasa dan tugas daripada HoS yang sebelum ini menyelia semua bahagian dan semua staf melaporkan diri pada HoS.

Segala keputusan berkaitan kewangan dilakukan oleh Jawatankuasa APPGM-SDG dan secara harian Bahagian Kewangan akan melakukan semakan dan persediaan untuk pembayaran. Tiga ahli Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari yang melibatkan cek dan dokumen kewangan perlu ditandatangani oleh tiga individu iaitu – pengerusi, setiausaha dan bendahari. Bagi transaksi perbankan secara dalam talian melibatkan beberapa individu lain seperti pembuat, penyemak dan butang akhir untuk kelulusan. Akaun kami telah diaudit oleh orang luar sejak daripada tahun 2021 dan nota juruaudit telah dimasukkan di dalam laporan tahunan.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari memainkan peranan sebagai penjaga dalam usaha penglokalisasi SDG dan pengawasan dalam kapasitinya sebagai entiti rasmi sekretariat APPGM-SDG sejak Januari 2020. Semua pengasas persatuan ini masih menjadi pemegang taruh serta merupakan ahli aktif persatuan. Terdapat kalangan daripada mereka yang berkhidmat sebagai pakar rujuk pihak sekretariat juga. Bagi memperkukuhkan aspek ini sebagai seorang penjaga dan pengawasan, kami telah menjemput dua rakyat Malaysia yang terkemuka pada 28 Ogos 2023 untuk menyertai sebagai penasihat persatuan ini. Pelantikan ini dibenarkan berdasarkan pertubuhan ROS persatuan. Pada 26 September 2023, pihak sekretariat telah berjumpa dengan kedua-dua penasihat iaitu Dato' Sri Mustapa Mohamed (bekas menteri EPU) dan Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim (bekas pengerusi APPGM-SDG) untuk membincangkan peranan dan bidang yang berpotensi untuk penglibatan mereka.

Trend 10: Perangkaan bersama 4 jaringan global parlimen

Ketua Sekretariat telah menyertai bengkel Tindakan SDG pada 16 hingga 17 September 2023 dan juga acara sampingan yang berkait dengan Sidang Kemuncak SDG pada 18 hingga 19 September 2023 di Ibu Pejabat Persatuan Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu (PBB) di New York. Sepanjang tempoh ini, Prof Datuk Dr Dension Jayasooria telah menyertai dan telah mendapat maklumat perhubungan dengan empat kumpulan parlimen global yang bekerja tentang SDG.

Empat kumpulan parlimen global yang bertanggungjawab dalam menggerakkan ahli parlimen dalam SDG adalah: -

- ***The Inter-Parliamentary Union (IPU)***

Inter-Parliamentary Union (IPU) merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang berperanan sebagai forum bagi kerjasama dan sesi dialog parlimen. Terdapat ramai ahli parlimen Malaysia yang terlibat secara aktif, sejajar dengan matlamat IPU untuk meningkatkan penyertaan ahli parlimen dalam mendepankan SDG.



- ***The Commonwealth Parliamentary Association (CPA)***

The Commonwealth Parliamentary Association (CPA) merupakan organisasi yang menghimpunkan ahli parlimen dari seluruh negara - negara Komanwel. CPA memulakan akademi baharu dengan kursus untuk ahli parlimen dan ahli-ahli parlimen Malaysia yang telah terlibat secara aktif dalam CPA.



- ***Parliamentarians for the Global Goals (PfGG)***

PfGG merupakan satu rangkaian global dinamik yang disandarkan oleh Kumpulan Parlimen Semua Parti tentang Matlamat Pembangunan Lestari yang beribu pejabat di Denmark. PfGG berfungsi sebagai sebuah platform kerjasama yang menyatukan ahli parlimen di seluruh dunia dalam usaha untuk mencapai pembangunan inklusif dan lestari.



- ***Parliamentarians for Global Action (PGA)***

Parliamentarians for Global Action (PGA) merupakan sebuah rangkaian penggubal undang-undang global yang memberi tumpuan terhadap mendepankan Kerjasama antarabangsa melalui diplomasi parlimen. Prof. Datuk Dr Denison Jayasooria telah bertemu dengan Cik Jennifer McCarthy yang merupakan timbalan ketua setiausaha organisasi ini. Beliau telah menzahirkan keinginan untuk bekerjasama dan akan menjemput APPGM-SDG ke persidangan dan program berbeza yang akan dijalankan pada masa hadapan.



Kempat-empat kumpulan ini memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan ahli parlimen dengan PBB tentang SDG. Ahli Parlimen Malaysia harus menjadi aktif dan tampak dalam organisasi ini untuk berkongsi amalan dari Malaysia termasuk sokongan global terhadap pelbagai isu Malaysia juara di peringkat global. Bagi peranan ini, pihak MoF harus memperuntukkan lebih banyak dana bagi penyertaan Ahli Parlimen di forum SDG di peringkat global terutamanya di PBB. Ahli jawatankuasa APPGM-SDG dan sekretariat telah berjumpa dengan Speaker Parlimen pada 29 November 2023 untuk berbincang berkenaan tugas ahli parlimen di peringkat global dan permohonan tambahan dana bagi tujuan ini. Speaker telah bersetuju untuk melihat kembali sumber yang ada buat masa sekarang bagi penyertaan ahli parlimen dalam perjumpaan di peringkat global dan akan melihat kembali jika ada keperluan untuk membangkitkan perkara ini kepada pihak MoF.

Rangka Kerja & Matlamat bagi Tahun 2023



Pada November 2022, pihak sekretariat APPGM-SDG telah mengeluarkan dokumen rangka kerja dan matlamat bagi tahun 2023 yang berfungsi sebagai rujukan untuk di aplikasikan pada tahun 2023. Dokumen ini telah disemak kembali pada Julai 2023. Tema pada tahun 2023 adalah **“Membina Komuniti Inklusif dan memastikan tiada sesiapa ketinggalan”**.


Dokumen ini telah dibahagikan kepada 5 bahagian yang bermula pada sejarah dan gambaran keseluruhan, etos organisasi, teras utama, dan matlamat bagi tahun 2023 dan akhir sekali struktur dan tanggungjawab. Objektif utama bagi APPGM-SDG Sekretariat adalah untuk mempunyai hala tuju yang jelas bagi penglokalisasian SDG.

Kami adalah komuniti yang komited kepada Perlembagaan Persekutuan

Kami adalah komuniti yang komited untuk membina asas SDG

Kami adalah komuniti, komited untuk mewujudkan masyarakat berasaskan nilai – ideologi

Kami adalah komuniti yang komited kepada politik dwi-partisan



Kami komited untuk mewujudkan komuniti pengamal reflektif, penyelidik dan aktivis


Dokumen itu juga menyediakan teras utama serta perincian matlamat, *deliverable* dan tarikh akhir untuk memandu pihak sekretariat bagi mencapai matlamat tahun 2023 dengan peruntukan yang diberikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.



Sekretariat

Ahli Parlimen - Jawatankuasa APPGM-SDG

Ketua Sekretariat



Pasukan Sekretariat



**Professor Datuk Dr.
Denison Jayasooria**

Ketua Sekretariat

Bahagian Ketua Sekretariat (HoS)



**Puan.
Nur Rahmah Othman**
Pengarah Kanan,
Bahagian Ketua Sekretariat
(HoS)



**Cik.
Afiqah Abdul Malik**
Pegawai HoS



**Encik.
Muhammad Afham**
Pegawai HoS

Bahagian Kewangan & Pentadbiran



**Encik.
Anthony Tan Kee Huat**
Pegawai Kewangan



**Puan.
Rachel Tan Chong Keng**
Pegawai Eksekutif,
Bahagian Kewangan &
Pentadbiran



**Puan.
Siti Hajar Mohammad**
Pegawai Kewangan



**Cik.
Mastura Mohamad**
Pegawai Kewangan

Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial



**Dr.
Teo Sue Ann**
Perunding,
Pusat MySDG untuk
Keterangkuman Sosial



**Dr.
Teo Lee Ken**
Pegawai Eksekutif,
Dasar &
Penyelidikan



**Cik.
Debbie Ann Loh**
Pegawai Dasar &
Penyelidikan

Bahagian Komunikasi Korporat & Akademi MySDG



**Cik.
Zoel Ng**

Pengarah Akademi MySDG



**Cik
Nurmaisarah Mohd
Asri**

Pegawai Komunikasi



**Encik
Jeremiah Nathan
Raj**

Pegawai Komunikasi




**Cik
Nur Sabrina
Mohd Zafri**

Pegawai Komunikasi




**Cik
Hirzawati Atikah
Mohd Tahir**

Pegawai Akademi MySDG



**Encik
Leo Mixsbobic
(sehingga November 2023)**

Pegawai Akademi MySDG



**Encik
Philus George**

Pelajar Latihan Industri

Bahagian Penyelaras Konstituensi Parlimen



**Encik.
James Ryan Raj**

Pengarah Bahagian
Konstituensi Parlimen



**Encik
Paniirselvam
Jayaraman**

Pegawai Eksekutif Unit
Pengurusan & Pemantauan
Projek



**Dr.
Jain Yassin**

Pegawai Penyelaras
Wilayah Sabah



**Cik
Nurul Fazlina Osman**

Pegawai Penyelidikan
& Projek Solusi
Wilayah Sabah



**Prof. Dr. Zaimuariffudin
Shukri Nordin**

Pegawai Penyelaras
Wilayah Sarawak




**Dr.
Eva Kristin Larry
Sait**

Pegawai Penyelidikan &
Projek Solusi
Wilayah Sarawak



**Puan
Nurul Syaza Mazelan**

Pegawai Eksekutif,
Unit Konstituensi
Parlimen
(Semenanjung)



**Dr.
Wan Suzita Wan
Ibrahim**

Pegawai Unit
Konstituensi Parlimen
(Semenanjung)



**Dr.
Thanaraj Murudi**

Pegawai Unit
Konstituensi Parlimen
(Semenanjung)



**Dr.
Siti Nur Ain
Zakinuddin**

Pegawai Unit
Konstituensi Parlimen
(Semenanjung)



**Cik.
Siti Noraiyash
Rohim**

Pegawai Unit
Konstituensi Parlimen
(Semenanjung)



**Puan
Mala Dass**

Pegawai Pengurusan
& Pemantauan Projek



**Encik
Yoogeswaran. K**

Pegawai Pengurusan
& Pemantauan Projek



**Puan
Mary Malar
Xavier**

Pegawai Pengurusan
& Pemantauan Projek



**Encik
S.P. Karuppiah**

Pegawai Pengurusan
& Pemantauan Projek



**Puan
Nur Balqis Osman**

Pegawai Pengurusan &
Pemantauan Projek



**Cik
Nurul Syahirah
Abd Aziz**

Pegawai Pengurusan &
Pemantauan Projek



**Cik
Nur Farah Ezzaty**

Pegawai
Kebun Komuniti



**Cik
Darshini
Rawichandran**

Pegawai
Kebun Komuniti



**Cik
Dana Claudia Undan
Dumpangol**

Pegawai
Kebun Komuniti



**Cik
Rose Helen Ambrose**

Pegawai
Kebun Komuniti



**Puan
Nur Fatehah Abd
Kadir**

Pegawai
Kebun Komuniti



Penglibatan dalam Mesyuarat Utama

Bil	Perkara	Tarikh	Wakil
PERJUMPAAN BERSAMA PEGAWAI PARLIMEN			
1.	Perjumpaan bersama Speaker Dewan Rakyat Parlimen Malaysia, YB Tan Sri Dato' Johari Bin Abdul	12 Januari 2023	Ketua sekretariat bersama empat pengarah memberikan kemaskini
2.	Perjumpaan bersama Speaker Dewan Rakyat dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan	18 Ogos 2023	Sekretariat telah dijemput oleh Kementerian Kewangan bagi perbincangan aspek belanjawan bagi APPGM-SDG
3.	Perjumpaan bersama Yang Di-Pertua Dewan Negara, YB Tan Sri Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar	29 Ogos 2023	Ketua Sekretariat dan Pengarah Kanan telah berjumpa Speaker Dewan Negara
4.	Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG telah berjumpa dengan Speaker Dewan Rakyat bersama pihak Sekretariat	29 November 2023	Tujuh ahli parlimen dan empat wakil sekretariat telah terlibat
PERJUMPAAN BERSAMA AGENSI PBB			
5.	<i>10th Asia-Pacific Forum on Sustainable Development (APFSD), UNESCAP, Bangkok</i>	27 - 31 Mac 2023	Encik Anthony Tan telah menyertai secara fizikal
6.	Perjumpaan bersama YB Puan Karima El Korri, Residen Koordinator Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di Malaysia, Singapura dan Brunei	2 Jun 2023	Ketua Sekretariat dan Pengarah Kanan telah menyertai
7.	Mempertingkatkan peranan Ahli Parlimen dalam mempercepatkan pencapaian SDG: Membawa resolusi UNGA ke hadapan (Dianjurkan oleh IPU & ESCAP)	19 Jun 2023	Puan Nur Rahmah, Dr Teo Lee Ken dan Cik Debbie Loh terlibat secara dalam talian
8.	<i>SDG Action Weekend</i> di Ibu Pejabat PBB, New York dan juga acara sampingan sepanjang Sidang Kemuncak SDG	16 - 19 September 2023	Ketua Sekretariat telah menyertai
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT			
9.	Perjumpaan bersama Menteri, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri	13 April 2023	Kumpulan yang telah bermula dengan HoS dan Dr Teo Sue Ann kumpulan daripada sekretariat untuk berkongsi dapatan kajian daripada laporan lawatan tapak yang berkaitan kebajikan



10.	Perjumpaan bersama pegawai di Kementerian	18 Julai 2023	Pegawai sekretariat telah berjumpa dengan Timbalan Ketua Setiausaha dan pegawai - pegawai lain di Kementerian
PERJUMPAAN BERSAMA KEMENTERIAN KEWANGAN			
11.	Perjumpaan bersama YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan	27 April 2023	Ketua Sekretariat dan empat pengarah sekretariat telah memberikan kemaskini.
12.	Perjumpaan bersama Pengarah Pejabat Belanjawan Negara (NBO), YBhg. Dato' Shahrol Anuwar Sarman	22 Mei 2023	Ini merupakan perjumpaan secara dalam talian yang telah disertai oleh HoS dan 3 pengarah sekretariat.
13.	Perjumpaan bersama YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan	11 Ogos 2023	Hos dan Pengarah Sekretariat
14.	Perjumpaan bersama CEO <i>MySDG Foundation</i> , Puan Anita Ahmad	25 Ogos 2023	Hos dan Pengarah Sekretariat
PERJUMPAAN SDG BERSAMA KEMENTERIAN EKONOMI			
15.	Perjumpaan Jawatankuasa Pemandu SDG Bil 1/23 di Kementerian Ekonomi. Perjumpaan dipengerusikan oleh Menteri	18 April 2023	YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, HoS dan Pengarah kanan telah menghadiri mesyuarat ini
16.	Jawatankuasa Kerja dalam Penglokalisasian SDG Bil 1/23 (Dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT)	22 Jun 2023	Encik Anthony dan Dr Teo Lee Ken telah hadir
17.	Perjumpaan bersama Encik Asfaazam Kasbani, Pengarah Pusat SDG Negara	14 Ogos 2023	Penasihat PPMPL, Dato' Sri Mustapa Mohamed dan HoS
18.	<i>Engagement Meeting</i> bersama Pusat SDG Negara, Kementerian Ekonomi	22 Ogos 2023	HoS dan Pengarah Sekretariat
19.	Perjumpaan bersama <i>United Nations Development Programme (UNDP)</i> tentang <i>Multidimensional Poverty Index (MPI)</i>	7 September 2023	Puan Nur Rahmah dan Cik Debbie Loh telah hadir mesyuarat ini
20.	Perjumpaan bersama YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri, Kementerian Ekonomi	13 September 2023	Perjumpaan bersama ahli jawatankuasa APPGM-SDG dan Sekretariat
21.	Perjumpaan tentang objektif, skop dan aktiviti Pusat SDG Negara	27 September 2023	HoS dan Pengarah Kanan telah menyertai perjumpaan ini
22.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal <i>Multidimensional Poverty Index (MPI)</i>	25 Oktober 2023	Cik Debbie Loh dan Dr Teo Lee Ken telah menghadiri mesyuarat ini



3

PEMETAAN ISU TEMPATAN & ANALISIS SITUASI



Metodologi dalam Pengumpulan dan Analisis Data Tempatan

Pemetaan isu ini merupakan permulaan pada proses penyetempatan APPGM-SDG. Gerak kerja dimulakan dengan penglibatan daripada ahli parlimen kawasan parlimen tersebut (MP). MP tersebut akan dijemput untuk memberikan pandangan secara keseluruhan bagi kawasan parlimen, dari segi saiz populasi, topografi dan isu berkaitan sosial, ekonomi dan alam sekitar yang dialami oleh komuniti. Seterusnya, pasukan penyelaras kawasan parlimen APPGM-SDG akan pergi ke Pejabat Daerah bagi memberikan pengenalan tentang agenda penglokalisasi APPGM-SDG dan menerima maklum balas daripada pejabat daerah. Seterusnya dengan maklum balas dan sokongan koordinasi daripada pihak MP dan pejabat daerah, pasukan akan membuat persediaan untuk kerja lapangan sepanjang tiga hari di kawasan parlimen tersebut. Selepas kerja lapangan, pasukan APPGM-SDG akan mengadakan mesyuarat antara agensi bersama pejabat daerah untuk berbincang tentang isu, dan mendapatkan maklum balas daripada pegawai, saranan dan cadangan untuk menyelesaikan isu secara lestari.

Adalah penting untuk diberikan perhatian bahawa pasukan penyelaras kawasan parlimen APPGM-SDG dan penyelidik mematuhi etika prosedur semasa menjalankan perbincangan kumpulan berfokus. Kesemua perbincangan kumpulan berfokus telah dirakamkan dengan persetujuan secara lisan oleh peserta. Selain daripada itu juga, kami juga mendapatkan persetujuan secara lisan oleh peserta bagi mengambil gambar.

Berdasarkan pengalaman pada tahun 2022, kami mengenalpasti keperluan penglibatan bagi pihak berkepentingan, terutamanya agensi kerajaan tempatan dalam penyetempatan SDG. Oleh itu, pada tahun 2023 kami telah menyemak kembali proses pemetaan isu dengan menekankan penglibatan pegawai daerah dan kerajaan tempatan. Kami juga memperkasakan penglibatan kami bersama komuniti di peringkat akar umbi dengan mengadakan lebih banyak perbincangan kumpulan berfokus sepanjang tiga hari kerja lapangan.

Proses pemetaan isu yang telah disemak semula melibatkan perjumpaan bersama pejabat daerah untuk berjumpa pegawai daerah. Kumpulan pasukan APPGM-SDG berinteraksi secara terus dengan pegawai daerah semasa lawatan tapak untuk memberikan pengenalan tentang organisasi, prinsip dwipartisan, dan proses penyetempatan. Ini merupakan satu pendekatan yang proaktif dalam penglibatan diri bersama pejabat daerah telah membuktikan ia berkesan kerana penglibatan pegawai daerah telah meningkat dengan ketara dalam proses pemetaan isu. Penglibatan mereka telah meningkatkan jangkauan kami kepada komuniti akar umbi, kerana mereka telah mengambil bahagian dalam merancang tiga hari kerja lapangan APPGM-SDG.

APPGM-SDG juga telah menambah durasi kerja lapangan untuk memaksimumkan tiga hari kerja lapangan untuk menjalankan perbincangan kumpulan berfokus bersama komuniti tempatan. Mesyuarat antara agensi dilanjutkan pada hari keempat. Dengan usaha, data kualitatif telah meningkat secara drastik bagi 28 kawasan parlimen yang telah dilawati pada tahun 2023 – isu yang telah didokumenkan menyediakan banyak kefahaman nuansa dengan dinamik rumit bagi konteks tempatan.

Lawatan Pemetaan bagi Tahun 2023

Pada tahun 2023, APPGM-SDG telah berjaya menjalankan gerak kerja di penglokalisasian SDG di 28 kawasan parlimen. Kejayaan ini menandakan satu lagi penanda aras bagi usaha proses penglokalisasian APPGM-SDG dan menandakan kejayaan bagi metodologi lokalisasi. Paling penting, ia telah menetapkan ambang baharu bagi penglibatan pihak berkepentingan APPGM-SDG dalam membina komuniti inklusif.

Jadual dibawah memaparkan usaha pegawai unit penyelarasan konstituensi parlimen APPGM-SDG dalam pemetaan isu di 28 kawasan parlimen pada tahun 2023.

Jadual 3.1: Lawatan pemetaan kawasan Parlimen (2023)

Zone	Bil	Negeri	Parlimen	Kawasan Parlimen	Ketua Penyelidik	Tarikh Lawatan Tapak
North	1	Kedah	P015	Sg. Petani	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin	03-06 Mac
	2	Penang	P041	Kepala Batas	Nurul Syaza Mazelan	11-14 Februari
	3	Perak	P060	Taiping	Dr Thanaraj Murudi	16-19 Disember
	4		P062	Sungai Siput	Dr Thanaraj Murudi	10-13 Februari
	5		P067	Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken	23-26 Jun
	6		P063	Tambun	Dr Thanaraj Murudi	19-21 Mei
	7	Perlis	P001	Padang Besar	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim	07-10 Februari
East	8	Pahang	P080	Raub	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim	16-19 Mei
	9	Kelantan	P027	Tanah Merah	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin	26-29 Mei
	10		P023	Rantau Panjang	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin	07-10 April
	11	Terengganu	P040	Kemaman	Dr Thanaraj Murudi	09-11 Jun
	12		P035	Kuala Nerus	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim	16-19 Mac
Central	13	Selangor	P112	Kuala Langat	Nurul Syaza Mazelan	17-19 Mac
	14		P099	Ampang	Nurul Syaza Mazelan	08-10 Mac
	15	Kuala Lumpur	P114	Kepong	Debbie Loh	24-27 Mac
South	16	Negeri Sembilan	P126	Jelebu	Dr Thanaraj Murudi	12-15 Mac
	17	Melaka	P134	Masjid Tanah	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin	03-06 Februari
	18	Johor	P152	Kluang	Nurul Syaza Mazelan	08-10 Mei
	19		P154	Mersing	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim	14-16 April
	20		P164	Pontian	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin	23-26 Jun
Sabah	21	Sabah	P167	Kudat	Nurrul Fazlina Osman	15-18 Mac
	22		P183	Beluran	Nurrul Fazlina Osman	07-10 April
	23		P186	Sandakan	Nurrul Fazlina Osman	24-27 Februari
	24		P179	Ranau	Nurrul Fazlina Osman	14-17 Mei
Sarawak	25	Sarawak	P198	Puncak Borneo	Dr Eva Kristin Larry Sait	28 Mei / 23-24 Jun/ 11 Julai
	26		P219	Miri	Dr Eva Kristin Larry Sait	14-17 April
	27		P209	Julau	Dr Eva Kristin Larry Sait	24-27 Februari
	28		P205	Saratok	Dr Eva Kristin Larry Sait	24-27 Mac



PADANG BESAR | P001

TARIKH LAWATAN TAPAK: 7 - 10 FEBRUARI 2023



SUNGAI PETANI | P015

TARIKH LAWATAN TAPAK: 3 - 6 MAC 2023



RANTAU PANJANG | P023

TARIKH LAWATAN TAPAK: 7 - 10 APRIL 2023



TANAH MERAH | P027

TARIKH LAWATAN TAPAK: 26 - 29 MEI 2023



KUALA NERUS | P035

TARIKH LAWATAN TAPAK: 16 - 19 MAC 2023



KEMAMAN | P040

TARIKH LAWATAN TAPAK: 9 - 11 JUN 2023



KEPALA BATAS | P041

TARIKH LAWATAN TAPAK: 11 - 13 FEBRUARI 2023



TAIPING | P060

TARIKH LAWATAN TAPAK: 16 - 19 DISEMBER 2022





SUNGAI SIPUT | P062

TARIKH LAWATAN TAPAK: 10 - 13 FEBRUARI 2023



TAMBUN | P063

TARIKH LAWATAN TAPAK: 26 - 28 MEI 2023



KUALA KANGSAR | P067

TARIKH LAWATAN TAPAK: 23 - 26 JUN 2023



RAUB | P080

TARIKH LAWATAN TAPAK: 17 - 19 MEI 2023



AMPANG | P099

TARIKH LAWATAN TAPAK: 8 - 10 MAC 2023



KUALA LANGAT | P112

TARIKH LAWATAN TAPAK: 17 - 19 MAC 2023



KEPONG | P114

TARIKH LAWATAN TAPAK: 24 - 27 MAC 2023



JELEBU | P126

TARIKH LAWATAN TAPAK: 12 - 15 MAC 2023





MASJID TANAH | P134

TARIKH LAWATAN TAPAK: 3 - 6 FEBRUARI 2023



KLUANG | P152

TARIKH LAWATAN TAPAK: 8 -10 MEI 2023



MERSING | P154

TARIKH LAWATAN TAPAK: 13 - 17 APRIL 2023



PONTIAN | P164

TARIKH LAWATAN TAPAK: 23 - 26 JUN 2023





KUDAT | P167

TARIKH LAWATAN TAPAK: 18 - 21 MAC 2023



RANAU | P179

TARIKH LAWATAN TAPAK: 17 - 19 MEI 2023



BELURAN | P183

TARIKH LAWATAN TAPAK: 7 - 10 APRIL 2023



SANDAKAN | P186

TARIKH LAWATAN TAPAK: 24 - 27 FEBRUARI 2023





PUNCAK BORNEO | P198

TARIKH LAWATAN TAPAK: 9 SEPTEMBER 2023



SARATOK | P205

TARIKH LAWATAN TAPAK: 24-27 MAC 2023



JULAU | P209

TARIKH LAWATAN TAPAK: 24-27 FEBRUARI



MIRI | P219

TARIKH LAWATAN TAPAK: 14-17 APRIL 2023



Isu Tematik daripada Dapatan Kualitatif

Proses pemetaan isu di 28 kawasan parlimen dan isu-isu yang telah dipetakan telah mengukuhkan dapatan kualitatif kami. Ini bermakna isu-isu tersebut boleh disintesis dan dikategorikan mengikut fokus tematik. Jadual berikut mengandungi senarai 26 isu tematik yang telah dikenalpasti daripada pemetaan isu di 28 kawasan parlimen, dengan isu yang serupa telah ditemui di kawasan parlimen lain yang telah terlibat dengan gerak kerja penglokalisasi SDG, APPGM-SDG sejak dari tahun 2020.

Adalah penting untuk diberikan perhatian bahawa dapatan kualitatif daripada pemetaan isu APPGM-SDG mendokumenkan pandangan peserta, pendapat, dan pengalaman menerusi naratif mereka. Para peserta tinggal di kawasan bandar, luar bandar dan kawasan pedalaman. Kebanyakan mereka datang daripada latar belakang sosioekonomi yang miskin dan tinggal di kawasan pinggir pembangunan negara. Mereka mewakili keluarga induk, warga emas, kanak-kanak dan belia, minoriti, komuniti orang asli dan orang asal, dan penduduk kampung yang tinggal di kawasan terpencil. Meskipun, naratif merupakan konteks yang khusus, dan penemuan mungkin tidak melambangkan secara keseluruhan jika difahami secara berasingan.

Walaubagaimanapun, ringkasan jadual dibawah menunjukkan walaupun isu tersebut mempunyai dinamik yang rumit dan bersifat kontekstual, terdapat persamaan yang timbul daripada penemuan daripada 28 kawasan parlimen jika dibandingkan dengan isu yang telah dikenal pasti pada tahun 2020 hingga 2022.

Persamaan ini bukan sahaja daripada negeri dan daerah yang sama, namun persamaan ini dikongsikan juga di negeri lain di negara ini. Sebagai contoh, banyak kumpulan sasaran Jabatan Kebajikan Masyarakat, seperti warga emas dan orang kelainan upaya, berkongsi kesulitan dalam mendapatkan akses kepada sokongan dan bantuan kerajaan. Mereka tidak menyedari terdapat pelbagai program meningkatkan kemahiran atau peluang pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan. Ramai ibu tunggal tidak mempunyai maklumat berkenaan skim, subsidi dan latihan keusahawanan yang disediakan untuk mereka memulakan perniagaan mereka.

Begitu juga dengan golongan nelayan di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak juga menyuarakan kekecewaan mereka tentang pencerobohan oleh nelayan kawasan sekitar dan bersebelahan serta nelayan warga asing. Pada masa yang sama juga, nelayan daripada wilayah utara dan selatan mengalami kesukaran untuk mendapatkan lesen.

Bagi menunjukkan kedinamikan isu, disamping persamaan, komuniti tempatan juga mempamirkan sifat yang tersendiri. Sebagai contoh, semasa sesi perbincangan, peserta sering berkata bahawa isu penyalahgunaan dadah berlaku dimana-mana sahaja. Namun, adalah menarik untuk ditemui bahawa terdapat pilihan jenis dadah yang berbeza dikalangan mereka yang terlibat.

Meskipun status ketum sebagai dadah haram masih dalam perbincangan, peserta daripada wilayah utara menyatakan syabu merupakan dadah yang terkenal dalam kalangan mereka, manakal peserta daripada wilayah timur dan beberapa bahagian Sabah dan Sarawak menyuarakan kebimbangan berkenaan pil kuda dikalangan golongan belia dan nelayan. Tanpa mengira perbezaan, kebanyakan, namun tidak semua menyatakan perlu ada usaha pemerkasaan daripada agensi kerajaan, sekolah, ibu bapa, komuniti setempat dan orang awam untuk membendung isu ini dengan lebih berkesan.

Disebalik nuansa penemuan dalam mencerminkan realiti kehidupan di seluruh Malaysia, 26 isu tematik yang disenaraikan dalam di Jadual 3.2 menunjukkan hubungan yang terjalिन merentasi 17 matlamat SDG. Mereka menunjukkan dalam penglokalisasian SDG, adalah penting untuk mengambil kira bahawa matlamat ini adalah saling berkait.

Kemajuan satu matlamat juga bermakna kemajuan bagi matlamat lain dan begitu juga sebaliknya. Apabila diteliti dengan lebih dekat 26 isu tematik ini dengan berlatar belakang rangka kerja 17 matlamat SDG, dapatan telah menemui struktur tersembunyi dan punca sistemik yang kita harus tangani bagi mencapai 17 matlamat SDG menjelang tahun 2030.

Kami telah kategorikan dapatan kepada tiga tema utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Bagi menunjukkan persamaan dan kekukuhan dapatan, pihak kami bukan sahaja merumuskan isu berdasarkan dapatan daripada 28 kawasan parlimen pada tahun 2023, tapi pihak kami juga menunjukkan kawasan parlimen yang telah terlibat dengan proses penglokalisasian APPGM-SDG pada tahun 2020 hingga 2022 untuk menunjukkan kelaziman isu tematik bagi seluruh negara.

Jadual 3.2: Ringkasan Isu Tematik

 EKONOMI	1. Ancaman terhadap pengeluaran produk pertanian makanan ekoran masalah kebolehpasaran 2. Ekonomi sektor perikanan terbantut 3. Pembangunan belia 4. Masalah kewangan dan tekanan ekonomi kepada peniaga kecil tempatan 5. Sekatan, eksploitasi dan kurang pemerkasaan ekonomi untuk orang asli dan orang asal
 SOSIAL	6. Kesukaran untuk mendapatkan sokongan kebajikan kerajaan, bantuan dan subsidi 7. Kekurangan bantuan kewangan dan kebajikan bagi fasiliti bagi golongan orang kelainan upaya 8. Impak sosial dan ekonomi keselamatan sempadan kepada komuniti tempatan 9. Kesukaran untuk mendapatkan akses kepada fasiliti kesihatan 10. Persekitaran yang tidak kondusif bagi pembelajaran di sekolah – menyebabkan keciciran Pendidikan



SOSIAL

11. Penyalahgunaan dadah dan perjudian dalam talian
12. Isu Kewarganegaraan
13. Kekurangan akses pada air bersih dan terawat
14. Isu Ketersambungan
15. Keperluan perumahan bagi golongan kurang berkemampuan
16. Pengarusutamaan jantina dalam keadaan kemiskinan
17. Keadaan sosial dan kehidupan penduduk di perumahan kos rendah (Rumah kos rendah PPR, Rumah Transit)
18. Kesejahteraan sosial komuniti yang tinggal di pulau
19. Pembangunan yang tidak seimbang (Sabah dan Sarawak)
20. Pemilikan dan pegangan tanah
21. Isu Banjir
22. Pelarian dan penghijrah menimbulkan tekanan sosial dengan masyarakat setempat



ALAM SEKITAR

23. Keterjaminan makanan yang terancam – sektor pertanian
24. Keterjaminan makanan yang terancam – sektor perikanan
25. Pencemaran alam sekitar oleh pengurusan sisa kuari – aktiviti korek pasir dan perlombongan emas
26. Kurang menghargai warisan ketara dan tidak ketara

EKONOMI



**Ekonomi pengeluaran
produk pertanian
makanan terancam
ekoran
kebolehpasaran**

- Peningkatan kos pengeluaran – kenaikan harga secara drastik untuk baja dan racun perosak
- Infrastruktur yang lemah telah menghalang aktiviti ekonomi - terutamanya bagi sektor pertanian
- Orang tengah mengambil komisen yang terlalu tinggi
- Pencerobohan hidupan liar
- Penukaran status tanah pertanian dan cabaran tanah lesen pendudukan sementara (TOL) bagi kegunaan tanah untuk tujuan pertanian
- Kurang pengetahuan tentang pertanian moden
- Kurangnya pengetahuan tentang kebolehpasaran dalam kalangan petani tentang hasil pertanian tempatan mereka
- Keengganan untuk mempelbagaikan hasil pengeluaran pertanian
- Persaingan sengit dengan produk pertanian dari negara jiran (seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia)

2023 - 13 kawasan parlimen

Ranau, Jelebu, Julau, Kepala Batas, Tambun, Raub, Ranau, Padang Besar, Tanah Merah, Mersing, Kudat, Kemaman, & Beluran

2022 - 19 kawasan parlimen

Beaufort, Bera, Betong, Jerlun, Kangar, Keningau, Kota Samarahan, Kuala Krai, Kuantan, Lahad Datu, Parit Buntar, Tenom, Tebrau, Tanjung Manis, Tangga Batu, Tampin, Setiu, Keningau, & Paya Besar

2021 - 11 kawasan parlimen

Baling, Indera Mahkota, Sik, Permatang Pauh, Ipoh Barat, Kuala Selangor, Hulu Rajang, Lembah Pantai, Simpang Renggam, Kota Belud, & Libaran

2020 - 7 kawasan parlimen

Papar, Pendang, Pensiangan, Batang Sadong, Bentong, Jeli & Tawau



Ekonomi sektor perikanan terbantut kerana:

- Kurangnya penguatkuasaan terhadap isu pencerobohan oleh nelayan tempatan dan nelayan asing
- Birokrasi dalam pemberian subsidi dan bantuan kerajaan
- Kekurangan kebolehpasaran untuk aktiviti perikanan
- Kurangnya kepelbagaian dalam aktiviti ekonomi
- Pencemaran akibat pembangunan industri marin – aktiviti akuakultur, tebus guna tanah
- Eksploitasi hutan

2023 - 10 kawasan parlimen

Kuala Nerus, Sandakan, Kuala Langat, Mersing, Ampang, Saratok, Ranau, Miri, Kudat, & Beluran

2022 - 12 kawasan parlimen

Parit Buntar, Bera, Jerlun, Kalabakan, Kangar, Kota Samarahan, Kuantan, Lahad Datu, Merbok, Tangga Batu, Tampin, & Setiu

2021 - 7 kawasan parlimen

Indera Mahkota, Muar, Kuala Selangor, Hulu Rajang, Kota Belud, Libaran, & Sik



Pembangunan belia

- Kurang minat dalam pendidikan
- Peningkatan minat untuk melakukan kerja asas – Pemandu sementara (*gig driver*), tukang cuci di negara jiran seperti Singapura
- Kekurangan kemudahan rekreasi untuk golongan belia
- Isu sosial yang berkaitan dengan golongan belia
- Latihan kemahiran dan pendidikan yang tidak setara

2023 - 21 kawasan parlimen

Kemaman, Padang Besar, Sungai Petani, Kepala Batas, Kuala Langat, Sungai Siput, Raub, Mersing, Pontian, Julau, Puncak Borneo, Kuala Kangsar, Taiping, Saratok, Sandakan, Kluang, Kuala Nerus, Masjid Tanah, Kudat, Beluran, & Ranau

2022 - 13 kawasan parlimen

Merbok, Tebrau, Cheras, Beaufort, Betong, Jerlun, Kalabakan, Kangar, Keningau, Lahad Datu, Tenom, Tanjung Manis, & Setiu

2021 - 13 kawasan parlimen

Ipoh Barat, Sik, Muar, Kuala Selangor, Batang Lupa, Selangau, Lembah Pantai, Pasir Mas, Kota Belud, Tawau, Simpang Renggam, Temerloh, & Tumpat

2020 - 3 kawasan parlimen

Jeli, Selayang, & Tanjung Piai



Masalah kewangan dan tekanan ekonomi kepada peniaga kecil tempatan

- Kenaikan harga makanan secara drastik dan kerap
- Kos sara hidup yang tinggi memberi tekanan kepada perniagaan
- Bekalan makanan yang tidak mencukupi

2023 - 20 kawasan parlimen

Pontian, Tanah Merah, Rantau Panjang, Kepong, Kudat, Kuala Nerus, Sungai Siput, Tambun, Saratok, Kuala Kangsar, Jelevu, Padang Besar, Kemaman, Beluran, Raub, Miri, Sungai Petani, Ampang, Saratok, & Kemaman

2022 - 7 kawasan parlimen

Setiu, Paya Besar, Kuala Krai, Kangar, Gua Musang, Beaufort & Bera

2021 - 1 kawasan parlimen

Sik

2020 - 1 kawasan parlimen

Jeli



Sekatan, eksploitasi dan kurang pemeraksanaan ekonomi untuk Orang Asli dan Orang Asal

2023 - 1 kawasan parlimen

Jelevu

2022 - 4 kawasan parlimen

Bera, Gua Musang, Tebrau & Tampin

2021 - 1 kawasan parlimen

Baling

2020 - 1 kawasan parlimen

Selayang

SOSIAL

06



**Kesukaran untuk
mendapatkan
sokongan kebajikan
kerajaan, bantuan dan
subsidi**

- Kekurangan maklumat
- Karenah Birokrasi sebagai pengawal maklumat
- Kekurangan pegawai kebajikan
- Kekurangan kemudahan bagi sokongan sosial – pusat jagaan kanak-kanak dan orang tua

2023 - 10 kawasan parlimen

Julau, Sandakan, Kepala Batas, Ampang, Tambun, Taiping, Sungai Siput, Kepong, Raub & Kuala Kangsar

2022 - 13 kawasan parlimen

Setiu, Jerlun, Kangar, Gua Musang, Bera, Keningau, Kuantan, Tebrau, Tangga Batu, Tampin, Sungai Buloh, Setiu & Paya Besar

2021 - 12 kawasan parlimen

Baling, Indera Mahkota, Kubang Pasu, Ipoh Barat, Kuala Selangor, Lembah Pantai, Pasir Mas, Kota Belud, Libaran, Simpang Renggam, Temerloh & Tumpat

2020 - 4 kawasan parlimen

Bentong, Jeli, Selayang & Tanjung Piai

07



**Kekurangan bantuan
kewangan dan
kebajikan bagi fasiliti
bagi golongan orang
kelainan upaya**

- Pekerja kontrak dan sukarelawan PDK kurang dihargai (elaun tidak mencukupi)
- Kemudahan yang memerlukan penyelenggaraan
- Cabaran bekerja dengan golongan orang kelainan upaya

2023 - 9 kawasan parlimen

Taiping, Padang Besar, Raub, Kuala Nerus, Masjid Tanah, Jelebu, Mersing, Sandakan & Kudat

2022 - 11 kawasan parlimen

Tampin, Beaufort, Bukit Mertajam, Cheras, Gua Musang, Kangar, Keningau, Kuala Krai, Tenom, Tebrau & Tangga Batu

2021 - 4 kawasan parlimen

Indera Mahkota, Libaran, Simpang Renggam & Temerloh

08



**Impak sosial dan
ekonomi keselamatan
sempadan kepada
komuniti**

- Penyeludupan dadah
- Penyeludupan barangan (makanan dan perdagangan)
- Isu "Ibu Tinggal"
- Isu ketiadaan kewarganegaraan (kekurangan dokumen)

2023 - 4 kawasan parlimen

Tanah Merah, Rantau Panjang, Mersing & Padang Besar

2022 - 4 kawasan parlimen

Kalabakan, Kota Samarahan, Lahad Datu & Serian

2021 - 2 kawasan parlimen

Kubang Pasu & Pasir Mas

2020 - 1 kawasan parlimen

Serian



Kesukaran untuk mendapatkan akses kepada fasiliti kesihatan

- Kesusakan di hospital dan klinik tempatan
- Penyelenggaraan kemudahan penjagaan kesihatan yang lemah
- Kekurangan ambulans bagi kes-kes bukan kecemasan, terutamanya bagi golongan kurang berkemampuan
- Kekurangan mod pengangkutan awam untuk ke klinik atau hospital

2023 - 12 kawasan parlimen

Kemaman, Kepala Batas, Taiping, Jelebu, Kluang, Ampang, Kuala Langat, Pontian, Sungai Siput, Ranau, Miri & Beluran

2022 - 8 kawasan parlimen

Bukit Mertajam, Igan, Keningau, Lahad Datu, Tenom, Tanjung Manis, Setiu & Serian

2021 - 7 kawasan parlimen

Sik, Kuala Selangor, Batang Lupa, Lembah Pantai, Kota Belud, Libaran & Tawau

2020 - 5 kawasan parlimen

Bandar Kuching, Batang Sadong, Jeli, Pensiangan & Petaling Jaya



Persekitaran yang tidak kondusif bagi pembelajaran di sekolah – menyebabkan keciciran pendidikan

- Jarak yang jauh untuk ke sekolah
- Sekolah yang usang
- Persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif (kekurangan meja, kerusi, komputer dan guru yang mempunyai kepakaran bagi mata pelajaran)
- Jumlah murid yang terlampau ramai di sekolah
- Cabaran dalam mengambil masuk pelajar (Kolej Komuniti)

2023 - 12 kawasan parlimen

Kepala Batas, Padang Besar, Jelebu, Kluang, Kuala Langat, Ampang, Tambun, Saratok, Ranau, Masjid Tanah, Kudat & Beluran

2022 - 14 kawasan parlimen

Baram, Betong, Gua Musang, Kalabakan, Kuantan, Lahad Datu, Merbok, Tenom, Tebrau, Tangga Batu, Tampin, Sungai Buloh, Setiu & Serian

2021 - 12 kawasan parlimen

Sik, Indera Mahkota, Ipoh Barat, Kuala Selangor, Batang Lupa, Selangau, Hulu Rajang, Pasir Mas, Kota Belud, Libaran, Tawau & Simpang Renggam

2020 - 5 kawasan parlimen

Bandar Kuching, Batang Sadong, Papar & Petaling Jaya



Penyalahgunaan dadah dan aktiviti perjudian dalam talian

- Menjadi isu yang semakin menonjol
- Golongan nelayan bergantung kepada penggunaan dadah seperti pil kuda untuk bekerja
- Orang muda/ Golongan belia (dadah mudah diperolehi)

2023 - 12 kawasan parlimen

Masjid Tanah, Padang Besar, Kepala Batas, Kepong, Rantau Panjang, Saratok, Raub, Mersing, Pontian, Julau, Sandakan & Kudat

2022 - 10 kawasan parlimen

Merbok, Jerlun, Baram, Beaufort, Betong, Igan, Kota Samarahan, Tebrau, Tampin & Paya Besar

2021 - 5 kawasan parlimen

Kubang Pasu, Tumpat, Simpang Renggam, Temerloh & Pasir Mas

2020 - 3 kawasan parlimen

Bandar Kuching, Batang Sadong & Bentong



Isu kewarganegaraan

- Kekurangan dokumen rasmi (Ibu dan bapa adalah warganegara Malaysia)
- Masyarakat yang tinggal di kawasan terpencil (perkahwinan tidak didaftarkan)
- Kurang kesedaran tentang kepentingan kewarganegaraan (tiada sijil kelahiran dan kad pengenalan)

2023 - 9 kawasan parlimen

Ampang, Rantau Panjang, Tanah Merah, Kudat, Sandakan, Tambun, Ranau, Kudat & Beluran

2022 - 5 kawasan parlimen

Bera, Kalabakan, Lahad Datu, Sungai Buloh & Sarawak

2021 - 6 kawasan parlimen

Simpang Renggam, Kubang Pasu, Muar, Selangau, Pasir Mas & Tumpat

2020 - 1 kawasan parlimen

Bandar Kuching



Kekurangan akses pada air bersih dan terawat

- Gangguan bekalan air
- Tekanan air yang rendah
- Bekalan air yang tidak bersih

2023 - 13 kawasan parlimen

Rantau Panjang, Kuala Nerus, Raub, Julau, Sandakan, Tambun, Tanah Merah, Taiping, Saratok, Ranau, Sungai Petani, Kudat & Beluran

2022 - 10 kawasan parlimen

Baram, Beaufort, Keningau, Lahad Datu, Merbok, Tenom, Tebrau, Sungai Buloh, Setiu & Serian

2021 - 6 kawasan parlimen

Sik, Kubang Pasu, Kuala Selangor, Batang Lupar, Lembah Pantai, & Libaran

2020 - 5 kawasan parlimen

Batang Sadong, Bentong, Jeli, Pendang & Pensiangan

14



Ketersambungan

- Tiada perkhidmatan disediakan untuk beberapa syarikat telekomunikasi
- Isyarat yang lemah
- Pembekal perkhidmatan yang mahal

2023 - 4 kawasan parlimen
Rantau Panjang, Julau, Saratok & Masjid Tanah

2022 - 10 kawasan parlimen
Beaufort, Betong, Bukit Mertajam, Igan, Keningau, Lahad Datu, Merbok, Tebrau, Tanjung Manis & Tampin

2021 - 10 kawasan parlimen
Sik, Baling, Batu Kawan, Indera Mahkota, Kubang Pasu, Kuala Selangor, Batang Lupa, Hulu Rajang, Pasir Mas, & Kota Belud

2020 - 4 kawasan parlimen
Bandar Kuching, Batang Sadong, Jeli & Pensiangan

15



Keperluan perumahan bagi golongan kurang berkemampuan

- Karenah birokrasi dalam permohonan perumahan
- Pemilikan yang tidak jelas bagi projek pembangunan perumahan
- Perjanjian yang tidak jelas antara penyewa dan pemaju
- Jumlah isi rumah yang padat

2023 - 5 kawasan parlimen
Kepala Batas, Taiping, Pontian, Kepong & Beluran

2022 - 8 kawasan parlimen
Sungai Buloh, Gua Musang, Kalabakan, Kuala Krai, Lahad Datu, Tenom, Tebrau & Paya Besar

2021 - 7 kawasan parlimen
Ipoh Barat, Batu Kawan, Indera Mahkota, Kubang Pasu, Kuala Selangor, Tawau & Simpang Renggam

2020 - 3 kawasan parlimen
Bandar Kuching, Pendang & Petaling Jaya

16



Pengarusutamaan jantina dalam keadaan kemiskinan

- Kemiskinan haid
- Cabaran bagi wanita hamil untuk mengakses penjagaan kesihatan
- Ibu dan bapa tunggal memerlukan bantuan untuk menjana pendapatan
- Keganasan rumah tangga

2023 - 16 kawasan parlimen
Taiping, Ampang, Beluran, Kluang, Raub, Kemaman, Ranau, Sungai Siput, Sandakan, Miri, Kuala Nerus, Saratok, Puncak Borneo, Mersing, Beluran, & Kudat

2022 - 19 kawasan parlimen
Jerlun, Merbok, Setiu, Paya Besar, Bera, Bukit Mertajam, Gua Musang, Kalabakan, Kangar, Keningau, Kuala Krai, Kuantan, Parit Buntar, Tenom, Tangga Batu, Sungai Buloh, Setiu, Serian, & Paya Besar

2021 - 10 kawasan parlimen
Kubang Pasu, Ipoh Barat, Muar, Kuala Selangor, Batang Lupa, Pasir Mas, Kota Belud, Libaran, Simpang Renggam, & Temerloh



Keadaan sosial dan kehidupan penduduk di perumahan kos (Rumah kos rendah PPR, Rumah Transit)

- Kurang penyelenggaraan
- Kurang kutipan sampah
- Keselamatan dan keselamatan (penyalahgunaan dadah, gangsterisme, vandalisme)
- Pemilikan tidak jelas/ pemilikan tanah
- Permintaan untuk pembinaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

2023 - 6 kawasan parlimen
Taiping, Sungai Petani, Ampang, Kuala Langat, Sandakan, & Kepong

2022 - 17 kawasan parlimen
Jerlun, Sungai Buloh, Kuantan, Kangar, Bera, Bukit Mertajam, Cheras, Gua Musang, Kalabakan, Kangar, Kuala Krai, Kuantan, Lahad Datu, Merbok, Parit Buntar, Sungai Buloh, & Serian

2021 - 5 kawasan parlimen
Kuala Selangor, Lembah Pantai, Batu Kawan, Kubang Pasu, & Kuala Selangor

2020 - 4 kawasan parlimen
Bandar Kuching, Petaling Jaya, Selayang, & Tanjung Piai



Kesejahteraan sosial komuniti yang tinggal di pulau

- Perpecahan sosial
- Cabaran ekonomi kerana kekurangan sumber pendapatan
- Kemusnahan alam sekitar

2023 - 4 kawasan parlimen
Sandakan (Pulau Berhala), Kudat (Pulau Banggi), Kuala Langat (Pulau Carey), & Mersing (Pulau Tengah and Pulau Tinggi)

2022 - 2 kawasan parlimen
Tumpat (Pulau Teluk Rejuna) & Batu Kawan (Pulau Aman)

2021 - 1 kawasan parlimen
Tanjung Piai (Pulau Kukup)



Pembangunan yang tidak seimbang (Sabah dan Sarawak):

- Jalan yang daif dan tidak bertar untuk ke kampung-kampung luar bandar
- Kekurangan bekalan air yang terawat
- Kekurangan bekalan elektrik
- Menjejaskan kesejahteraan sosial dan ekonomi penduduk kampung
- Kekurangan kemudahan asas seperti kemudahan bank

2023 - 11 kawasan parlimen
Rantau Panjang, Kuala Nerus, Pontian, Kudat, Beluran, Ranau, Julau, Miri, Puncak Borneo, Saratok & Sandakan

2022 - 9 kawasan parlimen
Baram, Beaufort, Kalabakan, Keningau, Kudat, Lahad Datu, Tenom, Tanjung Manis & Serian

2021 - 3 kawasan parlimen
Selangau, Kota Belud & Libaran

2020 - 2 kawasan parlimen
Bandar Kuching & Papar



Pemilikan dan pemegangan tanah

- Pencerooban terhadap tanah milik Orang Asli dan Orang Asal
- Hak tanah adat bagi Orang Asli dan Orang Asal

2023 - 2 kawasan parlimen
Julau & Sungai Siput

2022 - 5 kawasan parlimen
Sungai Buloh, Gua Musang, Bera, Keningau, & Serian

2021 - 3 kawasan parlimen
Baling, Selangau & Hulu Rajang

2020 - 4 kawasan parlimen
Bandar Kuching, Batang Sadong, Bentong, Jeli



Isu banjir

Punca banjir terjadi:-

- Penyelenggaraan sistem paip yang lemah
- Perancangan pembangunan yang lemah
- Pencemaran
- Hakisan dan tanah runtuh
- Perubahan iklim

2023 - 10 kawasan parlimen
Rantau Panjang, Raub, Jelevu, Kuala Nerus, Kuala Langat, Sandakan, Saratok, Ampang, Kluang, & Kudat

2022 - 14 kawasan parlimen
Bera, Paya Besar, Baram, Beaufort, Cheras, Gua Musang, Keningau, Kuala Krai, Kuantan, Tenom, Sungai Buloh, Setiu, Serian, & Paya Besar

2021 - 9 kawasan parlimen
Kubang Pasu, Batu Kawan, Indera Mahkota, Kuala Selangor, Hulu Rajang, Pasir Mas, Kota Belud, Tawau, & Simpang Renggam



Pelarian dan penghijrah menimbulkan tekanan sosial dengan masyarakat setempat

- Keselamatan sosial
- Peluang pekerjaan
- Peluang ekonomi

2023 - 2 kawasan parlimen
Ampang & Miri

2022 - 3 kawasan parlimen
Beaufort, Kalabakan & Tebrau

2021 - 4 kawasan parlimen
Batu Kawan, Tawau, Sik & Tumpat

2020 - 1 kawasan parlimen
Selayang

ALAM SEKITAR



Keterjaminan makanan yang terancam – sektor pertanian

- Pegangan tanah (Menghentikan pemberian tanah TOL untuk aktiviti pertanian)
- Kekurangan penyelenggaraan pada sistem pengairan dan saliran telah menjejaskan hasil pertanian
- Perubahan iklim telah menyebabkan penyakit tumbuh-tumbuhan
- Golongan petani memerlukan perlindungan sosial

2023 - 15 kawasan parlimen

Julau, Tambun, Rantau Panjang, Taiping, Kuala Langat, Padang Besar, Kuala Kangsar, Kepala Batas, Pontian, Jelebu, Kuala Nerus, Raub, Kemaman, Miri & Mersing

2022 - 7 kawasan parlimen

Jerlun, Kangar, Parit Buntar, Bera, Keningau, Lahad Datu & Tenom

2021 - 7 kawasan parlimen

Sik, Permatang Pauh, Batu Kawan Baling, Tumpat, Kota Belud & Simpang Renggam

2020 - 5 kawasan parlimen

Batang Sadong, Papar, Pendang, Pensiangan & Selayang



Keterjaminan makanan yang terancam – sektor perikanan

- Isu pencemaran sungai dan pantai berpunca aktiviti akuakultur, kuari dan pengorekan pasir
- Penguatkuasaan peraturan yang lemah
- Karenah birokrasi dalam aspek pelesenan dan pemberian benih ikan
- Perubahan iklim

2023 - 4 kawasan parlimen

Padang Besar, Kemaman, Pontian & Kuala Kangsar

2022 - 6 kawasan parlimen

Jerlun, Kangar, Bera, Kuala Krai, Tebrau & Setiu

2021 - 4 kawasan parlimen

Sik, Permatang Pauh, Indera Mahkota & Muar

2020 - 2 kawasan parlimen

Papar & Tanjung Piai

25



**Pencemaran alam
sekitar oleh
pengurusan sisa kuari
- aktiviti korek pasir
dan perlombongan
emas**

- Pencemaran sumber air (sungai)
- Pencemaran udara dan bunyi
- Sanitasi dan Pengurusan Sisa

2023 - 18 kawasan parlimen

Jawatankuasa penilai terdiri daripada 12 orang pakar rujuk (Jadual 5.5) yang memainkan peranan penting dalam kemajuan proses permohonan. Tumpuan semakan adalah untuk memahami objektif dan jangkaan hasil bagi setiap projek yang dipohon. Setiap permohonan akan melalui penilaian secara menyeluruh oleh dua orang pakar rujuk. Maklum balas yang diberikan adalah dalam bentuk cadangan penambahbaikan untuk memastikan projek yang dipohon dapat memberikan impak yang bermakna kepada para peserta.

Rajah 5.2: Proses semakan permohonan




Jadual 5.5: Senarai ahli panel penilai Kebun Komuniti

Nama	Organisasi	Peranan
Karthigayan Gunasegaran	WWF Malaysia	Rakan Solusi & Pakar Rujuk
Amran Jining	<i>Trusmadi Farm Enterprise</i>	Rakan Solusi & Pakar Rujuk
Sadang Anak Paing	Syarikat Permata Umang	Rakan Solusi & Pakar Rujuk
Arunagiri Subramanian	<i>Beringin Natural Farm</i>	Rakan Solusi & Pakar Rujuk
Khairuddin Bin Mohamed Ghazali	<i>Duriopark Agro</i>	Rakan Solusi & Pakar Rujuk
Naviin Thiagarajan	Sayur Kita Asia	Rakan Solusi & Pakar Rujuk
Nanthini Sivakumar	Sayur Kita Asia	Pakar Rujuk
Kon Onn Sein	<i>Foudation for Community Studies and Development</i>	Pakar Rujuk
Mohd Yusaimi Bin Md Yusof	Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia	Pakar Rujuk
Mohamed Irfan bin Jan Mohamed	Urban Hijau	Pakar Rujuk
Muhammad Halizi bin Paiman	Koperasi Keluarga Montamah Paiman Johor Berhad	Pakar Rujuk
Zalina Zainal	Universiti Utara Malaysia	Pakar Rujuk

Kitaran Kelulusan Projek

Kitaran kelulusan projek yang dirancang dengan baik adalah penting untuk memastikan kelancaran pelaksanaan sesebuah projek. Struktur tadbir urus yang strategik diperlukan dalam peringkat pemprosesan, semakan permohonan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Hal ini penting untuk memastikan semua proses dilaksanakan mengikut piawaian dan mencapai objektif yang ditetapkan. Rajah 5.3 menunjukkan kitaran kelulusan projek bermula dari permohonan sehingga ke pelaksanaan projek.

Rajah 5.3: Kitaran kelulusan projek



Mesyuarat Pemantauan Bulanan Kebun Komuniti Secara Dalam Talian

Mesyuarat pemantauan bulanan merupakan elemen penting dalam pemantauan serta mencerminkan komitmen rakan solusi untuk bertemu dengan pasukan APPGM-SDG untuk berbincang dan memberi kemas kini kemajuan projek masing-masing. Mesyuarat ini menjadi satu medium pembelajaran secara silang untuk rakan solusi berkongsi pembaharuan, renungan, cabaran dan penyelesaian yang telah diambil oleh mereka semasa menjalankan projek. Terdapat banyak ilmu yang dikongsi sesama rakan solusi dari kawasan yang berbeza.

Mesyuarat pemantauan bulanan ini turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Penyelarasan Konstituensi dan penyelidik bebas yang menjalankan penilaian impak bagi mengukuhkan lagi tadbir urus projek. Unit Kebun Komuniti juga berkongsi dan memberi penekanan terhadap jenis-jenis impak SDG yang akan dihasilkan oleh komuniti akar umbi.



Kebun Model Ipoh

Kebun Model Ipoh merupakan projek pertanian moden yang telah bermula pada Julai 2023 di Kampung Tai Lee, Silibin Avenue Ipoh, Perak di atas tanah seluas satu ekar. Ini merupakan model kerjasama antara APPGM-SDG, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Ahli Parlimen Ipoh Barat dan penduduk Kampung Tai Lee dan Jalan Spooner di Ipoh Barat.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk aktiviti fertigasi komersial, latihan untuk komuniti tempatan tentang pertanian moden, pengenalan kepada rantaian bekalan yang lestari dan produk pemasaran untuk kegunaan komuniti dari kedua-dua kawasan yang terlibat. Selain itu, kebun model ini akan menjadi tempat latihan bertani kepada petani lain.

Pada 19 Mei 2023, pihak Sekretariat APPGM-SDG telah mengadakan perjumpaan untuk membincangkan isu-isu yang telah dikenal pasti semasa pemetaan isu dijalankan bersama YB Tuan M. Kulasegaran (Ahli Parlimen Ipoh Barat), Datuk Rumaizi Baharin (Datuk Bandar Ipoh) dan pegawai dari Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Hasil pengutamaan isu tersebut, ketiga-tiga pihak telah bersetuju menggunakan tanah yang dipajak kepada Persatuan Sahabat Cinta Alam Malaysia (PSCAM) untuk menjalankan projek kebun komuniti bandar.

Pada 25 Mei 2023, APPGM-SDG bersama YB Tuan M. Kulasegaran telah mengadakan perjumpaan dengan penduduk Kampung Tai Lee bagi memberikan penerangan mengenai projek kebun komuniti yang dapat memberikan kebaikan kepada mereka. Penduduk kampung bersetuju untuk bekerjasama dengan kedua-dua pihak bagi menjayakan projek ini. Namun mereka turut menyuarakan kebimbangan memandangkan mereka sudah berusia dan tidak boleh bercucuk tanam secara tradisional kerana tahap kesihatan dan faktor umur. Pihak APPGM-SDG telah bersetuju dan akan berbincang berkenaan perkara ini sebelum projek di mulakan.

Pada 16 September 2023, pihak APPGM-SDG dan YB Tuan M. Kulasegaran telah mengadakan mesyuarat bagi menandatangani perjanjian projek kebun komuniti ini untuk tempoh setahun bermula dari 16 September 2023. Perjanjian ini telah ditandatangani oleh wakil daripada PPMPL dan PSCAM dan akan diperbaharui selepas tamat tempohnya.

Seperti yang dipersetujui, APPGM-SDG telah menangani permasalahan faktor kesihatan dan umur dengan melantik rakan solusi untuk menguruskan projek ini dan menggajikan dua orang pekerja sepenuh masa yang boleh tinggal di kawasan kebun. Kaedah tradisional telah ditukar kepada fertigasi menggunakan polibeg bagi mengatasi masalah ini. Projek ini akan diselia oleh kakitangan APPGM-SDG yang berpangkalan di Ipoh, Perak.

Kerja-kerja pembinaan tapak samaian dan infrastruktur kebun diteruskan. Penduduk disekitar diberi peluang untuk menyertai program penanaman benih dan pemindahan anak benih cili ke dalam polibeg dan memantau perkembangan dan pertumbuhan cili. Sebahagian daripada hasil tuaian akan diberikan kepada penduduk dan sebahagian lagi akan dijual kepada pemborong. Hasil jualan akan diberikan kepada penduduk yang terlibat dalam projek ini.



Cabaran Yang Dihadapi dalam Pelaksanaan Kebun Komuniti Secara Umum

Terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaan projek kebun komuniti. Cabaran yang paling kerap dihadapi ialah sewaktu merancang dan membangunkan lokasi untuk memulakan projek pertanian. Ini kerana petani perlu memilih lokasi yang sesuai untuk memulakan projek mengikut jenis tanaman mereka.

Beberapa faktor yang perlu diteliti termasuk sejarah lokasi (penggunaan lepas). Terdapat kemungkinan tanah tersebut mengandungi tahap pH yang tidak sesuai. Selain itu, faktor lain yang perlu dititikberatkan ialah bahan cemar tanah dan air yang berpunca daripada sisa industri dan bahan pencemar seperti logam berat, hidrokarbon, asid atau bes atau organisma patogen. Aktiviti pembersihan awal atau pembendungan tapak adalah sangat penting bagi mengelakkan risiko kesihatan yang serius kepada pengusaha dan pengguna yang terdedah kepada air dan tanah yang tercemar. Isu-isu ini juga boleh membawa kepada pencemaran tanaman yang mungkin berisiko jika dimakan.

Antara cabaran lain termasuk kekurangan pengetahuan mengenai pertanian dan perkebunan. Sesetengah daripada mereka langsung tidak mempunyai pengetahuan atau sedikit sahaja pengetahuan mengenai aktiviti pertanian seperti pengurusan kebun, tanah, dan hasil tuaian. Pengetahuan teknologi asas melibatkan sistem GIS, pengendalian dron, perisian keasidan tanah dan kemahiran pemanduan traktor juga diperlukan.

Cabaran lain yang turut dihadapi ialah dari segi kawalan serangga perosak dan penyakit. Serangga perosak dapat dikawal secara semula jadi dengan menggunakan racun serangga organik manakala kulat dan rumpai boleh dikawal dengan menggunakan racun rumpai.

Dalam masa yang sama, pemilihan projek yang betul juga turut menjadi cabaran besar. Para peserta perlu memahami apakah matlamat projek yang ingin dijalankan. Tanpa pemahaman yang jelas, projek itu tidak akan dapat mencapai matlamatnya. Dalam konteks ini, cabaran yang dihadapi oleh rakan solusi adalah untuk memahami kepentingan dan matlamat SDG. Walaupun selepas penerangan mengenai SDG diberikan, masih ada di antara peserta yang tidak dapat mengaplikasikan SDG yang betul ke dalam projek mereka.



Refleksi

Perjalanan dalam melaksanakan projek kebun komuniti bersama pihak akar umbi telah memberikan banyak pengajaran yang tidak ternilai dimana penglibatan komuniti setempat memainkan peranan yang penting:

- **Refleksi 1** *Penglibatan komuniti adalah kunci:* Penglibatan dan penyertaan komuniti adalah penting untuk kejayaan projek pertanian. Membina hubungan yang kukuh, mendengar keperluan mereka dan melibatkan mereka dalam proses membuat keputusan akan meningkatkan kepercayaan dan kelestarian projek.
- **Refleksi 2** *Kebolehsuaian dan fleksibiliti:* Projek kebun komuniti sering menghadapi cabaran yang tidak dijangka seperti cuaca dan pasaran yang tidak menentu. Keupayaan untuk beradaptasi dan menyesuaikan strategi sebagai tindak balas kepada cabaran-cabaran ini adalah penting untuk terus bertahan dan berjaya.
- **Refleksi 3** *Perkongsian pengetahuan dan latihan:* Melabur dalam program pendidikan dan latihan untuk peserta meningkatkan kemahiran serta memperkasakan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk pertanian lestari. Perkongsian pengetahuan yang berterusan dapat menyumbang kepada amalan pertanian yang lebih baik dan meningkatkan hasil.
- **Refleksi 4** *Amalan pertanian lestari menghasilkan faedah jangka panjang:* Menggunakan amalan pertanian lestari seperti penanaman organik, agroforestri, dan pemuliharaan sumber air bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada alam sekitar tetapi juga membawa kepada penambahbaikan ekonomi dan sosial jangka panjang untuk masyarakat.
- **Refleksi 5** *Akses pasaran dan kepelbagaian:* Menghubungkan para petani ke pasaran dan menggalakkan kepelbagaian tanaman dapat membantu mewujudkan peluang ekonomi. Memahami trend dan permintaan pasaran membolehkan petani membuat keputusan tepat bagi meningkatkan kebolehpasaran projek.
- **Refleksi 6** *Penyepaduan teknologi:* Menyepadukan teknologi pertanian moden seperti *Internet of Things (IoT)* yang boleh mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan produktiviti. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk memastikan bahawa penggunaan teknologi selaras dengan kapasiti dan sumber komuniti.
- **Refleksi 7** *Membina daya tahan komuniti:* Membina daya tahan komuniti dengan mengambil kira aspek ekonomi dan alam sekitar. Mewujudkan sumber pendapatan yang pelbagai dan melaksanakan strategi pengurangan risiko akan menyumbang kepada kebolehtahanan keseluruhan peserta.

- **Refleksi 8 *Rakan kongsi dan kerjasama:*** Bekerjasama dengan organisasi tempatan, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan bagi meningkatkan impak projek. Sumber, kepakaran dan rangkaian yang dikongsi dapat membantu menangani cabaran dengan lebih berkesan dan menggalakkan pembangunan secara lestari.
- **Refleksi 9 *Pemantauan dan penilaian:*** Pelaksanaan sistem penilaian dan pemantauan membantu dalam memantau kemajuan projek, mengenal pasti cabaran lebih awal dan membuat keputusan tepat. Penilaian secara berkala membolehkan pasukan projek menyesuaikan strategi dalam memastikan kejayaan projek berterusan.
- **Refleksi 10 *Meraikan kejayaan dan belajar daripada kegagalan:*** Mengiktiraf dan meraikan pencapaian, tidak kira betapa kecilnya, meningkatkan semangat dan menggalakkan penyertaan komuniti yang berterusan. Selain itu, belajar daripada kemunduran dan kegagalan memberikan pandangan yang berharga untuk penambahbaikan dan pelarasan masa hadapan.



6

AKADEMI MYSDG



Akademi



Academy

Akademi MySDG merupakan pusat latihan yang komited mendepankan SDG melalui kerjasama, pembangunan kemahiran dan pemerksaan belia. Matlamat utamanya adalah untuk membantu individu mahupun organisasi untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam melaksanakan strategi pembangunan yang lestari.

Pada tahun 2023, aktiviti Akademi MySDG telah dipecahkan kepada **tiga bahagian utama**:

Pembangunan Kapasiti

Enam inisiatif utama

1. Bengkel Lokalisasi SDG
2. Persidangan MySDG 2023
3. Kesedaran mengenai Alam Sekitar, Sosial dan Urus Tadbir (ESG)
4. Bengkel Kerjasama (*Partnership Building Workshops*)
5. Dialog dan Bual Bicara Eksklusif
6. Kerjasama bersama pihak INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara)

Pemerksaan Belia

Akademi telah menetapkan **lima bidang utama**:

1. Bengkel *Young Politician*
2. Sidang Kemuncak SDG Belia Malaysia
3. Ejen Belia SDG Malaysia
4. Penglibatan belia dalam penyelidikan SDG
5. Penglibatan belia di peringkat antarabangsa

Komunikasi

Unit ini bertanggungjawab untuk menghasilkan laporan, penerbitan, dokumentari dan mengemaskini hal-hal berkaitan APPGM-SDG melalui pelbagai saluran seperti media sosial, media cetak dan kandungan video.

Bengkel Pembangunan Kapasiti dan Persidangan bagi Penyetempatan SDG

Pada tahun 2023, Akademi MySDG telah mengadakan bengkel pembangunan kapasiti di seluruh kawasan perlimen yang terlibat. Sebanyak 28 bengkel Lokalisasi SDG telah dijalankan dengan sokongan Ahli Parlimen, pegawai pejabat daerah dan rakan kongsi strategik tempatan.

Latihan pembangunan kapasiti ini telah dijalankan mengikut rangka kerja Modul Lokalisasi SDG yang merangkumi 4 bahagian. **Bahagian 1** menghuraikan pengenalan menyeluruh mengenai SDG, meliputi latar belakang, tema, matlamat dan sasaran. Pelbagai aktiviti interaktif telah dilaksanakan untuk memetakan pengalaman peserta berdasarkan matlamat-matlamat ini sekaligus mendapatkan pemahaman yang lebih jelas mengenai sasaran dan indikator termasuk pendekatan berasaskan komuniti yang telah diguna pakai.

Bahagian 2 pula menghuraikan mengenai penyetempatan SDG. Bahagian ini memberi tumpuan kepada penyetempatan SDG di Malaysia dan pendekatan yang diambil oleh APPGM-SDG melalui aktiviti kumpulan yang memfokuskan kepada pemetaan dan pengutamaan isu. **Bahagian 3**, menggalakkan peserta mencadangkan langkah penyelesaian untuk isu-isu setempat dengan penekanan terhadap SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat) sekaligus membincangkan penilaian impak dan strategi pelaksanaan. Bengkel ini diakhiri dengan **Bahagian 4** iaitu sesi refleksi, di mana para peserta akan mengenal pasti tema-tema utama yang dipelajari, pelan tindakan akan datang dan cadangan penambahbaikan untuk bengkel seterusnya.

Secara keseluruhan, bengkel-bengkel ini bertujuan untuk menyetempatan SDG di Malaysia dan menekankan pendekatan APPGM-SDG. Menerusi aktiviti berkumpulan, para peserta terlibat secara aktif dalam pemetaan isu dan cadangan langkah penyelesaian dengan penekanan kepada SDG 17. Seramai **1,088 peserta** daripada pelbagai negeri telah menghadiri bengkel lokalisasi yang diadakan selama satu hari.

Dianjurkan oleh:



Pembangunan Komuniti Mampan

Neyelung tahun 2030, memastikan orang ramai mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan mampan, termasuk melalui pendidikan mengenai pembangunan mampan, gaya hidup mampan, hak asasi manusia dan kesetiaan gender, memperkukuh budaya kewarasan dan bukan bergantung, menggalakan kewarganegaraan global dan mengaitkan kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan (SDG 4.7).



Modul yang digunakan dalam Bengkel Lokalisasi SDG

Pautan untuk memuat turun modul latihan:





Jadual 6.1: Penganjur bersama bagi Bengkel Lokalisasi SDG pada tahun 2023

Bil	Tarikh	Lokasi	Penganjur Bersama	Peserta
1	19.02.2023	Sungai Buloh, Selangor	Malaysia Professional Skill Development Education Association (MASDEA)	20
2	13.05.2023	Temerloh, Pahang	Ejen Belia SDG, Temerloh	27
3	20.05.2023	Lembah Pantai, Kuala Lumpur	Higher Education Malaysia Association (HEYA)	37
4	27.05.2023	Ranau, Sabah	Pejabat Wilayah Sabah APPGM-SDG	19
5	03.06.2023	Kepong, Kuala Lumpur	Persatuan Sosio-Ekonomi dan Alam Sekitar (PERSEAS)	20
6	10.06.2023	Taiping, Perak	Persatuan Perkhidmatan Komuniti Taiping (ESDA)	50
7	11.06.2023	Tangga Batu, Melaka	Global Peace Mission (GPM) Melaka	58
8	25.06.2023	Kepala Batas, Pulau Pinang	Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang	27
9	09.07.2023	Keningau, Sabah	Elfa Wealth	25
10	22.07.2023	Selayang, Selangor	Perkhidmatan Sosial Pembangunan Komuniti (PSPK)	28
11	30.07.2023	Miri, Sarawak	Junior Chamber International (JCI) Lutong	32
12	05.08.2023	Padang Besar, Perlis	Ruzyan Evolution Marketing and Pudipang Industries	21
13	06.08.2023	Kangar, Perlis		39
14	13.08.2023	Sungai Siput, Perak	Procentric	45
15	20.08.2023	Masjid Tanah, Melaka	Pejabat Ahli Parlimen	61
16	03.09.2023	Kuala Nerus, Terengganu	NGO Hub	20
17	23.09.2023	Parit Buntar, Perak	Pasukan JARING	24
18	24.09.2023	Tambun, Perak	Junior Chamber International (JCI) Kinta	44
19	04.10.2023	Jejebu, Negeri Sembilan	Pejabat Pegawai Daerah	80
20	07.10.2023	Kemaman, Terengganu	Geng Plastik Ija	27
21	08.10.2023	Marang, Terengganu	Geng Plastik Ija	42
22	14.10.2023	Kluang, Johor	Teras Living, Borneo Komrad, and Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	40
23	15.10.2023	Simpang Renggam, Johor	Borneo Komrad & Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	60
24	21.10.2023	Merbok, Kedah	Ruzyan Evolution Marketing and Pudipang Industries	20
25	22.10.2023	Sungai Petani, Kedah	Tamarai	35
26	28.10.2023	Setiu, Terengganu	Universiti Malaysia Terengganu	63
27	05.11.2023	Tebrau, Johor	Junior Chamber International (JCI) Tebrau	41
28	02.12.2023	Ampang, Kuala Lumpur	Junior Chamber International (JCI) Malaysia	60
29	02.12.2023	Sepang, Selangor	Godigital Production	23
JUMLAH KESELURUHAN PESERTA				1088



Simpang Renggam

Persidangan MySDG 2023 - Tema: Membina Komuniti Inklusif

Pada tahun 2023, Akademi MySDG telah menganjurkan satu siri persidangan yang telah dianjurkan sebanyak tiga (3) kali dengan sokongan daripada Persatuan Sains Sosial Malaysia, Perikatan CSO-SDG dan *Institute for Development Studies* (IDS) di Sabah. Rentetan daripada 3 persidangan ini, pihak Akademi MySDG telah menganjurkan persidangan antarabangsa yang merupakan kemuncak bagi persidangan-persidangan ini. Sebanyak 146 ketua komuniti, ahli akademik dan penyelidik telah hadir membentangkan pelbagai kisah tempatan, kajian kes, kajian empirikal dan ulasan.

Persidangan pertama telah berlangsung pada bulan Spetember 2023 di Kuching di mana 45 orang peserta telah mengambil bahagian untuk berkongsi dapatan kajian masing-masing dan sejumlah 20 kertas telah dibentangkan. Seterusnya, persidangan kedua telah mengambil tempat di bandar Kota Kinabalu pada tarikh 14 - 15 Oktober 2023 yang turut menyaksikan seramai 85 orang peserta membentangkan 33 kertas persidangan. Persidangan terakhir telah berlangsung di bandar Kota Bharu pada 28-29 Oktober 2023 yang mengumpulkan 36 orang peserta dan 21 kertas persidangan.

Tumpuan utama bagi siri persidangan ini adalah kertas persidangan yang dibentangkan oleh Prof. Datuk Dr. Denison yang mana beliau telah menekankan tiga prinsip asas dalam membina komuniti inklusif. Sumbangan akademik beliau bukan sahaja membantu merangka pemahaman malah turut membantu merangka pelan tindakan hala tuju akan datang. Secara keseluruhan, persidangan ini telah memupuk pertukaran pengetahuan, kerjasama dan tanggungjawab bersama untuk mendepankan pembangunan lestari di Malaysia dan sempadan luar.





Bengkel Pembangunan Kerjasama

Bengkel pembangunan kerjasama telah dilaksanakan oleh Akademi MySDG yang bertujuan untuk menambah baik kerjasama dengan masyarakat awam, agensi kerajaan dan ahli akademik untuk menghidupkan usaha ke arah SDG.

Jadual 6.2: Senarai bengkel pembangunan kerjasama

Tarikh	Lokasi	Peserta
04-05.02.2023	Petaling Jaya, Selangor	66
24-25.05.2023	Kota Kinabalu, Sabah	41
17-18.06.2023	Kuching, Sarawak	39
JUMLAH		146



Kesedaran ESG

Akademi MySDG mula menceburi bidang ESG dan kerjasama korporat pada tahun 2023. Pelbagai perbincangan dan perundingan telah berlangsung sepanjang tahun untuk kolaborasi dan membangunkan visi ESG. Penglibatan Akademi MySDG dalam pelbagai aktiviti sebagai pusat latihan APPGM-SDG bagi perkara berkaitan SDG telah diiktiraf oleh agensi korporat dengan harapan peluang kerjasama dapat diterokai. Antara sorotan utama program kesedaran ESG dan penyertaan oleh Akademi MySDG adalah seperti di bawah.



Dialog dan Bual Bicara Eksklusif

Sesi dialog dan bual bicara eksklusif telah dianjurkan oleh Akademi MySDG sepanjang tahun 2023 dan menampilkan beberapa orang tetamu jemputan daripada pelbagai bidang kepakaran bagi membincangkan topik mengenai pembinaan komuniti inklusif dan pembangunan sosial. Sesi bual bicara eksklusif ini telah dijalankan secara hibrid dengan tujuan untuk memperkasa dan membuka ruang perbincangan mengenai topik terbabit.

Pelbagai topik telah dibincangkan dan dikongsi sepanjang tahun termasuk mengenai perpaduan sosial, dasar awam, kemiskinan multidimensi dan pentakrifan semula kemiskinan dan pendekatan pembangunan, kesaksamaan wanita, perbincangan tentang kehidupan yang bermakna, keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh dan transformasi masyarakat melalui pendigitalan. Berikut merupakan momen-momen yang sempat dirakam sepanjang sesi dialog berlangsung.



Kerjasama bersama Pihak INTAN

Tujuan kerjasama antara Akademi MySDG dan pihak INTAN adalah untuk meningkatkan kesedaran dan membina kapasiti pegawai kerajaan bagi penyetempatan SDG. Kerjasama strategik ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan program latihan untuk penjawat awam di enam wilayah. Melalui inisiatif ini, pihak Akademi MySDG memperkasakan penjawat awam untuk menyumbang kepada pembangunan lestari dengan lebih efektif, menyelaraskan kerja mereka dengan agenda SDG di peringkat global. Melalui pertukaran pengetahuan dan pembangunan kemahiran, Akademi MySDG berusaha untuk mewujudkan tenaga kerja perkhidmatan awam yang lebih berdaya tahan dan bertanggungjawab.

Memupuk Kerjasama - 17.07.2023



Sekretariat menghadiri mesyuarat dengan kumpulan kohort Setiausaha Kerajaan Negeri anjuran INTAN untuk membincangkan kemaskini kerja dan meneroka potensi kerjasama untuk program pembangunan kapasiti yang bertujuan untuk memperkasakan pegawai kerajaan. Mesyuarat itu menjadi platform untuk penglibatan bersama wakil kerajaan negeri dan meraih sokongan mereka dalam memperkukuh lagi inisiatif APPGM-SDG / Akademi MySDG.

Mesyuarat Teknikal Susulan - 31.07.2023



Akademi MySDG telah mengadakan mesyuarat susulan untuk menganjurkan beberapa bengkel kerjasama bersama pihak INTAN. Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli (pakar rujuk) telah dilantik menjadi penasihat projek.

Bengkel Lokalisasi SDG di Sabah - 12.08.2023



Akademi MySDG dengan kerjasama pihak INTAN telah menganjurkan bengkel pembangunan kapasiti untuk pemahaman dan penglokalisasi SDG.

Pemeriksaan Belia dalam Penyetempatan SDG

Unit Pembangunan Belia APPGM-SDG telah membangunkan agenda penyetempatan untuk Matlamat Pembangunan Lestari PBB sejak tahun 2021.

Melalui beberapa siri inisiatif strategik, unit ini telah terlibat secara langsung untuk menggerakkan golongan belia di Malaysia bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran, pengetahuan dan rangkaian yang sepatutnya. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam usaha penyetempatan SDG.

Antara inisiatif utama adalah **Bengkel Young Politician**, **Sidang Kemuncak SDG Belia Malaysia**, **Ejen Belia SDG Malaysia**, **penglibatan belia dalam penyelidikan SDG** dan **penglibatan di peringkat antarabangsa**.

Bengkel Young Politician

Bengkel *Young Politician* ialah satu inisiatif yang mengumpulkan belia yang aktif dalam organisasi politik untuk mempelajari tentang SDG dan menyepadukan elemen kelestarian ke dalam usaha politik mereka. Inisiatif ini telah dimulakan atas sokongan Pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG, YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis. Akademi MySDG kemudiannya telah melaksanakan projek untuk melatih belia dengan latar belakang politik mengenai SDG, kepimpinan dan kerjasama dengan tumpuan kepada SDG 16 - Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh.

Pada tahun 2023, Bengkel *Young Politician* pertama telah diadakan dengan tajuk "Bengkel Mengintegrasikan SDG dalam Politik". Belia di bawah umur 40 tahun dari pelbagai parti politik telah hadir untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai topik ini di Pulau Langkawi.

Jadual 6.4: Bengkel *Young Politician* di Pulau Langkawi

Tarikh	Lokasi	Peserta	Bilangan Parti Terlibat
20-22.10.2023	Pulau Langkawi, Kedah	18	7



Sidang Kemuncak SDG Belia Malaysia 2023

Sidang Kemuncak SDG Belia Malaysia 2023 telah diadakan pada 9 September 2023 di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras. Sidang kemuncak ini merupakan perhimpunan untuk mengetengahkan naratif masyarakat minoriti di Malaysia yang sering dipinggirkan seperti komuniti Orang Asli yang bersemangat, pemain gendang cacat pendengaran yang memberi inspirasi, golongan pelarian yang berdaya tahan dan populasi belia yang besar. Kisah mereka menunjukkan terdapat keperluan untuk campur tangan oleh golongan belia. Sidang kemuncak ini juga turut menekankan keperluan untuk beralih daripada sikap toleransi semata-mata kepada penerimaan sepenuhnya di mana golongan belia digesa untuk menulis semula naratif kebudayaan dan dalam masa yang sama mengambil bahagian secara aktif dalam membentuk proses demokrasi.



Ejen Belia SDG Malaysia

Ejen belia SDG Malaysia merupakan inisiatif revolusioner yang telah dimulakan pada tahun 2022 untuk membantu golongan muda berhubung secara langsung dengan komuniti setempat dan ahli parlimen mereka untuk mengambil tindakan berdasarkan sudut pandang SDG dalam membina sebuah masyarakat inklusif dan saksama.

Dari 7 September sehingga 10 September 2023, para belia dari seluruh Malaysia telah berkumpul untuk mempelajari tentang SDG dan melontarkan idea mereka untuk dilaksanakan sebagai projek mikro. 3 kumpulan telah dianugerahkan geran Belia Juara sebanyak RM 9,000 bagi setiap kumpulan yang mana geran yang diberikan merupakan usahasama pihak Selangor Youth Community (SAY) bernilai RM4,000 dan APPGM-SDG bernilai RM5,000. Kumpulan-kumpulan tersebut telah melaksanakan projek masing-masing di Sabah, Pulau Pinang dan Selangor yang memberi fokus akan aspek keusahawanan, keterjaminan makanan dan kesedaran pemeliharaan kebudayaan.



Belia dalam Penyelidikan SDG

Pada tahun 2023, unit pembangunan belia telah mengeluarkan 3 buah artikel penyelidikan yang mengetengahkan peranan belia dalam memobilisasikan SDG. Artikel-artikel itu telah ditulis dengan sumber data daripada bahagian pembangunan belia.

Ng, Z., & Thomas, P. (2023a). **Educational Models to Promote and Localise Sustainable Development through Impact Oriented Partnership and Advocacy: Recommendations from APPGM-SDG on Youth Development.** Coalition for the United Nations We Need. <https://c4unwn.org/wp-content/uploads/2023/03/Educational-Models-to-Promote-and-Localise-Sustainable-Development-through-Impact-Oriented-Partnership-and-Advocacy-Recommendations-from-APPGM-SDG-on-Youth-Development-1.pdf>

Ng, Z., & Thomas, P. (2023b). **Perspectives, Experiences, and Involvement of Youths in Promoting Sustainable Development Goals in Malaysian Parliamentary Constituencies.** Journal of the Malaysian Parliament, 3(2), 110-129. <https://doi.org/10.54313/journalmp.v3i.85>

Ng, Z., & Thomas, P. G. (2023c). **Leveraging on Partnership to Expose Youth to Sustainable Development: A Case Study.** Journal of Business Management and Accounting, 13(2), 259-284. <https://doi.org/10.32890/jbma2023.13.2.5>

Artikel-artikel ini menjelaskan kepentingan penglibatan belia dalam penglibatan SDG yang memberi impak besar di pelbagai peringkat. Melalui sokongan pihak Sekretariat dan pemegang taruh, pihak Akademi MySDG berjaya memperluaskan jangkauan dan menggerakkan golongan belia pada tahun 2023 melalui projek dan inisiatif seperti penerbitan artikel penyelidikan, penglibatan di peringkat antarabangsa, kerjasama bersama organisasi luar, pihak universiti dan agensi kerajaan.

Baca artikel di sini:



Penyertaan Antarabangsa

SDG Youth Dialogue: Future Sustainability Leaders

15 – 17 Mei 2023,
Brunei Darussalam

Zoel telah dijemput sebagai salah seorang penceramah untuk berkongsi pengalaman Malaysia dalam memperkasakan belia dalam proses penyetempatan SDG.



World Youth Development Forum

21-27 Julai 2023,
Beijing & Xi An

Program Ejen Belia SDG dan sidang kemuncak telah dipilih sebagai salah satu daripada 100 Langkah Cemerlang dalam Program Pembangunan Belia.



Human Rights and Democracy Assembly

20-22 November 2023,
Bangkok

Philus mengambil bahagian untuk meningkatkan pemahaman mengenai demokrasi dan memahami tentang cabaran demokrasi di seluruh rantau ini.



Komunikasi Korporat

Penerbitan, Laporan dan Dokumentari

Unit Komunikasi Korporat telah mereka, menyunting dan menyusun atur penerbitan bahan bercetak, laporan dan dokumentari yang dihasilkan pihak sekretariat. Unit ini bertanggungjawab menyelia kemas kini dan penyelenggaraan saluran komunikasi termasuk penghasilan dokumentari, laporan lawatan tapak dan penerbitan.

	Laporan Tahunan & Buletin Bulanan
1	Laporan Tahunan 2022
2	Buletin Bulanan - 12
3	Laporan Aktiviti - Aktiviti Lain
	Penerbitan
4	<i>SDG Solution Projects: Best Practices Impacting the Grassroots</i>
5	<i>From Global to Local: Sharing Experiences and Impacts in Localising Solutions in Malaysia</i>
6	<i>SDG Policies and Practices in Malaysia</i>
7	<i>Localising SDGs & Grassroots Concerns of Six Vulnerable Group in Malaysia</i>
8	<i>SDGs and Grassroots Realities: Seven Community Case Studies in Malaysia</i>
9	<i>Proceedings - Malaysia SDG Conference 2022: A CSO & Academic Perspectives - Mid-Term Review of the Implementation of SDGs in Malaysia (2015 to 2022)</i>
10	<i>Community Development Policies for Malaysian Indians: Resource Materials</i>
11	<i>Commemorating the 75th Anniversary of the Universal Declaration of Human Rights (UDHR)</i>
12	<i>SDGs & Human Rights</i>
	Dokumentari
13	Laporan Pemetaan Isu - 26 Laporan Lawatan Tapak
14	7 Video Dokumentari


1 - Saluran Youtube Akademi MySDG




2 - Penerbitan



3 - Buletin Bulanan (Januari sehingga Disember)



4 - Laporan Pemetaan Isu



7

KEWANGAN & PENTADBIRAN





Ulasan Tadbir Urus Kewangan

Peruntukan

Peruntukan bagi program penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen telah dibiayai oleh Kementerian Kewangan (MoF) melalui Parlimen Malaysia untuk aktiviti-aktiviti APPGM-SDG dari tahun 2020 sehingga 2023. MoF telah mengesahkan pemberian peruntukan untuk aktiviti 2024. Ucapan terima kasih diucapkan kepada MoF atas kepercayaan yang telah diberikan. Semua pembiayaan disalurkan melalui Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPMPL) yang merupakan sekretariat kepada APPGM-SDG.

Peruntukan belanjawan untuk tahun 2023 telah meningkat sebanyak 100% iaitu sebanyak RM20 juta berbanding RM10 juta pada tahun 2022. Peningkatan ini selari dengan pertambahan peruntukan belanjawan setiap tahun iaitu sebanyak RM 2 juta pada tahun 2020 kepada RM 5 juta pada tahun 2021.

Bilangan projek mikro SDG yang menyumbang kepada program penyetempatan SDG telah meningkat daripada 34 projek pada tahun 2020, kepada 87 pada tahun 2021 dan seterusnya meningkat lagi kepada 197 projek pada tahun 2022 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 343 projek menjelang hujung tahun 2023.

Bagi tahun 2023, sebagai tambahan kepada projek penyetempatan SDG sedia ada, MoF telah memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta kepada pihak APPGM-SDG untuk melaksanakan program Kebun Komuniti. Meskipun, pengesahan peruntukan daripada pihak MoF telah diterima pada Jun 2023, program ini telah berkembang dengan pantas dan akhirnya membawa kepada penubuhan model kebun di Ipoh pada penghujung tahun. Pihak APPGM-SDG telah berjaya mendapat kelulusan bagi 200 projek mikro Kebun Komuniti untuk dilaksanakan di seluruh negara.

Kakitangan

Seiring dengan pertambahan peruntukkan, Jabatan Kewangan telah menambah jumlah kakitangannya. Pada awalnya hanya dua kakitangan sahaja (Pengarah dan Pegawai Eksekutif), namun kini meningkat kepada empat orang dengan pertambahan dua pegawai baru. Pegawai baru telah ditugaskan untuk menerima dan memproses dokumen berkaitan kewangan, manakala Pegawai Eksekutif telah mengambil alih tugas Pengarah sebelum ini iaitu memasukkan semua maklumat pembayaran ke dalam sistem perbankan. Oleh itu, Pengarah kini mempunyai lebih banyak masa untuk proses pemantauan dan perancangan belanjawan.

Hasil daripada penstrukturan semula, fungsi sumber manusia dan pentadbiran telah diletakkan dibawah Pengarah Kewangan yang kini dilantik semula menjadi Pengarah Kewangan dan Pentadbiran. Dua lagi kakitangan baharu yang telah dilantik untuk membantu Pengarah dalam pengurusan sumber manusia dan pentadbiran. Manakala tiga kakitangan sedia ada diletakkan di bawah Unit Kewangan.



Sistem Gaji dan Perakaunan

Swingvy dan XERO merupakan perisian Sistem Gaji dan Perakaunan. Kedua-duanya telah digunakan secara bersama bermula Oktober 2022 dan boleh digunakan secara langsung bermula Januari 2023.

Swingvy menguruskan senarai bagi gaji, kehadiran kakitangan (masa masuk dan keluar), dan pengurusan cuti melalui aplikasi telefon mudah alih dalam talian dan program berasaskan web. XERO ialah program storan awan (*cloud-based programme*) yang membolehkan kakitangan menyerahkan tuntutan mereka secara dalam talian melalui aplikasi telefon mudah alih atau program berasaskan web.

Tadbir Urus yang Baik

Pihak pengarah turut menyediakan Laporan Kewangan Bulanan yang diedarkan oleh Bahagian Ketua Sekretariat kepada pihak Parlimen, MoF, Kementerian Ekonomi, dan Jawatankuasa APPGM-SDG.

Pemprosesan pembayaran kini telah dikurangkan kepada purata tiga hari berbanding sebelum ini tempoh pemprosesan mengambil masa melebihi tujuh hari bekerja. Perkara ini dapat dilaksanakan dengan menjadikan Pegawai Eksekutif sebagai *Maker* tambahan, dan Pengarah telah ditambah sebagai Penyemak untuk Akaun Bank CIMB. Tanggungjawab kelulusan pembayaran kini dikongsi bersama antara Pengarah Kanan HoS dan Ketua Sekretariat. Salah seorang pegawai baharu yang menyertai pada tahun 2023 mempunyai pengalaman bekerja di firma audit sebelum ini. Secara tidak langsung, pengalamannya telah menambah baik proses audit 2022 serta latihan pra-audit 2023.

Secara keseluruhannya pelaksanaan sistem gaji dan perakaunan tahun ini telah menjadi pemudah cara berbanding ketika penggunaan *spreadsheet excel* untuk mengawal perbelanjaan duit keluar masuk, kawalan cuti serta kiraan gaji secara manual begitu juga kiraan EPF dan SOCSO.

Akaun bank

Pada penghujung tahun 2023, PPMPML mempunyai tiga akaun bank. CIMB 1 ditetapkan untuk urus niaga yang berkaitan dengan program penyetempatan SDG, CIMB 2 pula untuk program kebun komuniti dan mana-mana program APPGM-SDG lain yang tidak berkaitan dengan penyetempatan SDG, manakala akaun Maybank hanyalah untuk dana PPMPML semata-mata.



Keputusan Kewangan Utama

Segala keputusan kewangan yang besar dan penting dibuat oleh Jawatankuasa APPGM-SDG semasa mesyuarat jawatankuasa yang dijalankan secara berkala dengan kuorum minimum 3 Ahli Parlimen. Antara keputusan yang perlu diputuskan ialah kelulusan projek solusi untuk kedua-dua projek penyetempatan SDG dan kebun komuniti. Kami amat menghargai sokongan padu yang diberikan oleh Jawatankuasa APPGM-SDG kepada kedua-dua pasukan projek solusi penyetempatan SDG dan Kebun Komuniti pada suku akhir 2023. Mesyuarat jawatankuasa telah diadakan hampir setiap pagi Jumaat untuk menyemak semua cadangan projek bagi memastikan projek-projek ini diluluskan sebelum akhir tahun.

Projek 2024

Jabatan Kewangan dan Pentadbiran yang bertambah besar dengan gabungan Unit Kewangan sedia ada dan Unit Pentadbiran yang baru ditubuhkan bersiap sedia menghadapi cabaran 2024 untuk menguruskan dana sebanyak RM20 juta bagi penyetempatan SDG, RM10 juta untuk kebun komuniti serta tambahan dana khas melalui kerjasama dengan Yayasan Hasanah untuk menyediakan geran yang lebih besar bagi mengukuhkan dan menambahbaik skala projek milik rakan solusi sedia ada.





Penyata Akaun yang Diaudit bagi Tahun 2023

TOR & CO. (AF 0575)

Chartered Accountants



Head office
No.14, Persiaran 65C, Pekeliling Business Centre,
Jalan Pahang Barat, Off Jalan Tun Razak, 53000 Kuala Lumpur.
Tel: +603-4024 6666
Email: info@tor.com.my Website: www.tor.com.my

杜秉權會計樓
英皇御准特許會計師
大馬特許會計師

Date : 05 APR 2024

TO WHOM IT MAY CONCERN

**EXTRACT FROM PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (THE SOCIETY)
AUDITED FINANCIAL STATEMENTS FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2023.**

8. ON-GOING PROJECTS

	2023 RM	2022 RM
APPGM-SDG		
Balance as at 1st January	6,244,078.84	2,253,054.48
Grant for 2022	-	10,000,000.00
Grant for 2023	20,000,000.00	-
	26,244,078.84	12,253,054.48
Auditors' remuneration	(16,960.00)	(15,000.00)
Building inclusive community	(50,099.72)	-
Capacity building and awareness expenses	(1,091,034.77)	(474,650.31)
Networking and communications	(493,727.11)	(398,358.91)
Policy expenses	(247,881.91)	-
Project monitoring expenses	(990,958.16)	(454,370.20)
Research expenses	(1,260,545.77)	(789,542.46)
Secretariat expenses and coordination expenses	(1,269,843.09)	(768,139.76)
Solution project expenses	(9,824,514.20)	(3,108,914.00)
	(15,245,564.73)	(6,008,975.64)
	10,998,514.11	6,244,078.84

Branch

70A, Lebuhr Beringin, 42000 Port Klang, Selangor. Tel: +603-3167 2625




8. **ON-GOING PROJECTS (CONT'D)**


	2023 RM	2022 RM
Kebun komuniti projects		
Balance as at 1st January	-	-
Grant for 2023	10,000,000.00	-
	10,000,000.00	-
Capacity building and awareness expenses	(5,165.12)	-
Kebun community	(9.00)	-
Networking and communications	(11,000.00)	-
Policy expenses	(131.75)	-
Project monitoring expenses	(450,212.70)	-
Research expenses	(100,219.23)	-
Secretariat expenses and coordination expenses	(52,500.00)	-
Solution project expenses	(4,354,662.75)	-
	(4,973,900.55)	-
	5,026,099.45	-
Balance as at 31st December	16,024,613.56	6,244,078.84

The above is extracted from Note 8 to the financial statements of the audited financial statements of the Society for the financial year ended 31st December 2023.

The audited financial statements of the Society for the financial year ended 31st December 2023 have been prepared in compliance with the Malaysian Private Entities Reporting Standard ("MPERS") issued by the Malaysian Accounting Standard Board ("MASB") as well as the provision of the rules and regulations of the Society.

The audited financial statements of the Society for the financial year ended 31st December 2023 had been duly audited by Tor & Co.


Tor & Co.,
Firm Number : AF:0575
Chartered Accountants


TOR PEN KUAN 01211/11/2024 J
Chartered Accountant

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

PPMPL ini telah berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan menguruskan dana yang telah diberikan oleh Kementerian Kewangan, menggaji semua kakitangan sekretariat APPGM-SDG dan mementerai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama rakan solusi dan penyelidik bagi gerak kerja penyetempatan SDG.

PPMPL merupakan sekretariat untuk APPGM-SDG yang juga bertanggungjawab keatas lapan ahli yang dilantik serta dua juruaudit dalaman. Bermula tahun 2023, selaras dengan Perlembagaan Persatuan SDG Seksyen 14 berkenaan lantikan penasihat dan penaung. Pihak Exco PPMPL telah melantik, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan YB Dato' Sri Hajah Rohani Haji Abdul Karim, sebagai penasihat PPMPL. Usaha ini adalah untuk memperkasakan kebolehlihatan serta mendapatkan sokongan di kalangan pegawai kerajaan terhadap gerak kerja Sekretariat dalam mempercepatkan pelaksanaan SDG di peringkat tempatan.

Pemegang Jawatan Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (2022-2024)



**Dato' Sri Hajah
Rohani Abdul Karim**
Penasihat



**Dato' Sri Mustapa
bin Mohamed**
Penasihat



**Prof. Datuk Dr.
Denison Jayasooria**
Presiden



Dr. Lin Mui Kiang
Timbalan Presiden



**Encik. Alizan
Mahadi**
Setiausaha



**K. Eruthairaj A/L
Kulanthaisamy
(James Ryan Raj)**
Timbalan
Setiausaha



**Encik
Kon Onn Sein**
Bendahari



**Prof. Dato' Dr
Rashila Ramli**
Ahli Exco



**Cik Lavanya
Rama Iyer**
Ahli Exco



**Puan
Omna Sreeni-Ong**
Ahli Exco



**Encik
Kiu Jia Yaw**
Juruaudit
Dalaman



**Encik
Jeffrey Phang**
Juruaudit
Dalaman

Pada tahun 2023, Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-4 telah diadakan pada 5 Mei 2023 dan Mesyuarat Agung Khas telah diadakan pada 28 Ogos 2023 untuk menyemak penyata teraudit bagi tahun 2022. Pihak Exco bermesyuarat sebanyak tiga kali iaitu pada 6 Jun 2023, 7 Ogos 2023 dan terakhir pada 28 November 2023.

Kerjasama bersama Organisasi lain

Pihak sekretariat APPGM-SDG telah mengadakan kerjasama dengan beberapa organisasi lain seperti Perikatan CSO-SDG Malaysia, *Partners in Accelerating SDGs in Malaysia*, Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dan Institut Strategik KSI untuk Asia Pasifik. Kami telah menjalinkan kerjasama rasmi bersama Yayasan Hasanah bagi penyaluran geran khas daripada Kementerian Kewangan kepada badan pelaksana tempatan bagi inisiatif penyetempatan SDG.

Kementerian Ekonomi telah menjemput pihak sekretariat untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa kerja teknikal SDG, perbincangan Pelan Hala Tuju SDG serta kajian semula indikator kemiskinan multidimensi. Pihak sekretariat APPGM-SDG turut bekerja rapat dengan Pusat SDG Negara dan Yayasan MySDG.





**PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020**

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor.
Email: secretariat@appgm.sdg.com | Tel: +6013 920 3550